

فهرس

| | |
|----|---------------------------------|
| 1 | ١ . الصوم |
| 7 | ٢ . القضاء والفدية وكفارة الصوم |
| 12 | ٣ . صلاة التراويح |
| 16 | ٤ . صلاة العيدين |
| 20 | ٥ . صلاة الضحي |
| 24 | ٣ . صلاة القصر |
| 28 | ٤ . صلاة الجمع |
| 35 | ٥ . تجهيز الجنابة |

الشريعة

للسنة الثالثة

(العبادات)

Pelajaran 1

PUASA

Pengertian Puasa Ramadhan

Puasa dari sudut bahasa : : menahan diri

dari sudut istilah syarak: menahan diri daripada (melakukan) perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar (subuh) sehingga terbenam matahari (maghrib) beserta dengan niat (berpuasa).

Dalil disyariatkan Puasa Ramadhan

Firman Allah swt:

“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa”.

Hadis

Daripada Ibnu Umar r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: “Islam diasas di atas lima perkara; persaksian tidak ada tuhan selain Allah dan sesungguhnya Muhammad utusan Allah, mendirikan shalat, menunaikan zakat, haji, dan puasa Ramadhan”. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

** Info penting

Puasa Ramadhan difardukan pada Syaaban tahun kedua Hijrah.

Hukum puasa Ramadhan

- Puasa bulan Ramadhan adalah **wajib** ke atas setiap mukallaf iaitu orang Islam, sampai umurm berakal dan mampu berpuasa.
- Diharuskan bagi orang sakit tidak berpuasa jika ianya mendatangkan kemudahan, dan diharuskan tidak berpuasa bagi orang musafir apabila ia bermusafir sebelum terbit fajar dengan perjalanan yang jauh dan diharuskan.

الصوم

تعريف صوم رمضان

الصوم لغة : الإمساك.


شرعا : إمساك عن المفطرات، من طلوع الفجر إلى غروب الشمس مع النية.

دليل مشروعية صوم رمضان

قوله تعالى:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

سورة البقرة : ١٨٣



الحديث :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

[متفق عليه]

** معلومات تهمك : فرض صوم رمضان في شعبان من السنة الثانية للهجرة


حكم صوم رمضان

- صوم رمضان واجب على كل مكلف أي مسلم، بالغ، عاقل، يطيق الصيام.
- ويباح للمريض ترك الصيام إن وجد به ضررا شديدا، وكذا يباح للمسافر إذا سافر قبل طلوع الفجر سفرا طويلا مباحا.

Syarat Wajib Puasa

- 1. Islam,
- 2. Berakal,
- 3. Sampai umur,
- 4. Mampu berpuasa,
- 5. Bermukim

* Syarat Sah Puasa



*** Perbezaan antara syarat sah dan syarat wajib :


Orang yang cukup syarat sahnya mungkin tidak wajib ke atasnya puasa seperti kanak-kanak yang mumayyiz berpuasa. Puasanya adalah sah sedangkan puasa tersebut tidak wajib ke atasnya.

*** Apabila seorang perempuan haid atau nifas walaupun seketika (masa yang singkat), maka tidak sah puasanya dan tidak sah juga puasa prang yang pitam sepanjang siang hari, namun sekiranya orang yang pitam tersebut sedar walaupun seketika maka sah puasanya.

* شروط وجوب الصوم

- ١ - الإسلام
- ٢ - العقل
- ٣ - البلوغ
- ٤ - الإطاقة
- ٥ - الإقامة


* شروط صحة الصوم



*** الفرق بين شروط الصحة وشروط الوجوب أن من توافرت فيه شروط الصحة ربما لا يجب عليه الصوم كصبي مميز صام، فإن صومه صحيح مع عدم وجوبه عليه

*** إذا حاضت امرأة أو نفست ولو لحظة، لم يصح الصوم. ولا يصح صوم من أغمي عليه جميع النهار؛ وإن أفاق لحظة من النهار، صح صومه.


*** Rukun Puasa**




- **Contoh lafaz niat puasa** : "Sahaja aku berpuasa esok hari kerana menunaikan puasa Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Taal".

- Niat puasa Ramdhan, puasa qada' dan puasa nazar disyaratkan (dilakukan) pada waktu malam.

*** Sunat-sunat Puasa**




*** أركان الصوم**



- مثال لفظ النية : "نويت صوم غد عن أداء فرض شهر رمضان هذه السنة لله تعالى".
- ويشترط تبييت النية في صوم رمضان والقضاء والندر. وتصح نية صوم النفل قبل الزوال.

*** سنن الصوم**



*** Perkara Makruh Puasa**

1. Berbekam
2. Melewatkan berbuka
3. Menyegerakan bersahur
4. Bersugi selepas gelincir matahari
5. Berlebih-lebihan ketika berkumur-kumur, dan masukkan air ke dalam hidung
6. Ciuman, pelukan dan sentuhan bagi orang yang timbul syahwatnya dengan perbuatan tersebut.
7. Merasakan makanan dengan cara tidaksampai sesuatu ke dalam rongga

*** Perkara yang membatalkan Puasa**

1. Makan dan minum dengan sengaja. Jika terlupa dan makan atau minum, maka tidak batal puasa.
2. Sampai sesuatu ke rongga dari tempat (rongga) yang terbuka.
3. Bersetubuh dengan sengaja walaupun tidak keluar air mani
4. Muntah, iaitu muntah dengan sengaja
5. Beronani (mengeluarkan air mani dengan tangan dan seumpamanya)
6. Pitam dan mabuk apabila ianya berlaku sepanjang siang hari
7. Haid nifas dan melahirkan anak
8. Gila walupun seketika
9. Murtad (keluar dari agama Islam)

- Rongga terbuka mengikut mazhab Syafie ialah mulut, hidung, telinga, qubul (kemaluan) dan dubur. Manakala mata bukanlah rongga terbuka sekalipun makanan boleh masuk ke halkum melalui mata.

*** مكروهات الصوم**

- (١) الاحتجام
- (٢) تأخير الإفطار
- (٣) تعجيل السحور
- (٤) السواك بعد الزوال
- (٥) المبلغة في المضمضة والاستنشاق
- (٦) القبلة والمعانقة واللمس لمن حركت هذه شهوته
- (٧) ذوق الطعام مع عدم وصول شيء إلى الجوف

*** مبطلات الصوم**

- (١) الأكل والشرب عمدًا. فإن نسي وأكل أو شرب، لم يفطر.
- (٢) وصول عين إلى الجوف من منفذ مفتوح.
- (٣) الجماع عمدًا، ولو بغير إنزال.
- (٤) الاستقاء، أي تعمد القيء.
- (٥) الاستمناء.
- (٦) الإغماء والسكر إذا عما جميع النهار.
- (٧) الحيض والنفاس والولادة.
- (٨) الجنون ولو لحظة.
- (٩) الردة.

- الجوف المفتوح عند الشافعية هو : الفم والأنف والأذن والقبل والدبر. وأما العين، فليست منفذًا مفتوحًا، وإن وجد الطعم في الحلق.

* KEUZURAN YANG DIHARUSKAN BERBUKA

Tidak mampu berpuasa, termasuk dalam perkara ini ialah orang tua, wanita hamil dan wanita menyusukan anak.

Musafir yang jauh yang tidak kurang dari dua marhalah iaitu 80 – 90 kilometer

Sakit kuat yang dibimbangi akan binasa, lambat sembuh atau bertambah sakit

* MASALAH YANG BERKAITAN

(1) Menggunakan inhaler (alat sedut).

Inhaler ialah bekas/alat yang mengandungi ubat cecair. Ubat ini terdiri dari tiga unsur: air, oksigen dan beberapa bahan perubatan.

Biasanya Inhaler digunakan oleh pesakit asma (lelah). Apabila pesakit menggunakannya di waktu siang bulan Ramadhan maka ia merosakkan (membatalkan) puasa dan wajib qada puasa tersebut.

Sekiranya penyakit itu telah kritikal dan setiap hari perlu menggunakannya maka pesakit ini dikira orang yang tidak mampu berpuasa. Dia perlu membayar fidyah bagi setiap hari yang dia tidak puasa.

* الأَعذار المبيحة للإفطار

العجز عن الصيام،
يدخل فيه العجوز
والحامل والمرضع

السفر الطويل الذي لا يقل
عن مرحلتين ٨٠ – ٩٠
كيلو مترا تقريبا

المرض الشديد الذي
يخاف منه الهلاك أو
تأخر الشفاء أو زيادة
المرض

* المسائل المتعلقة

(١) استعمال بخاخ الربو

بخاخ الربو عبارة عن علبة فيها دواء سائل، وهذا الدواء يحتوي على ثلاثة عناصر :
الماء، والأكسجين، وبعض المستحضرات الطبية.
وغالبا يستعمله الذي أصيب بمرض الربو. فإذا أخذه المريض نهار رمضان، فإنه يفسد الصوم، ويجب عليه القضاء.

وإن كان المرض يلازمه ولا يمكن أن يمر يوم إلا باستخدام بخاخ الربو، فإنه يعتبر عاجزا عن الصوم، فيدفع الفدية عن كل يوم أفسده.

(2) MENCUCI BUAH PINGGANG

Mencuci buah pinggang ialah proses yang bertujuan membuang perkara lebihan dan racun dari tubuh ketika buah pinggang gagal berfungsi. Ianya membersihkan darah. Jika Orang berpuasa melakukan proses membersihkan darah, maka tidak batal puasanya. Ini kerana proses ini tidak berlaku melalui tempat (rongga) terbuka. Puasa itu terbatal dengan memasukkan sesuatu ke dalam rongga terbuka.

(3) MENGGUNAKAN SUNTIKAN

Suntikan ialah memasukkan ubat tau seumpamanya dari dubur. Ada pendapat mengatakan dari qubul. Memasukkan sesuatu ke qubul dan dubur itu membatalkan puasa kerana kedua-duanya adalah rongga yang terbuka.

Jarum suntikan perubatan yang diambil oleh orang yang berpuasa dan dicucuk pada urat atau otot, ianya tidak merosakkan puasanya.

*** Hikmah Puasa**

Puasa bulan Ramadhan adalah ibadat yang difardhukan Allah taala ke atas orang Islam. Tidak syak lagi semua hukum Allah swt mempunyai hikmat, rahsia dan kebajikannya untuk hamba-hambanya. Antaranya:

1. Mematuhi segala perintah Allah dengan meninggalkan syahwat kerana Allah
2. Puasa menyempitkan saluran sayaitan kerana sabda nabi saw: sesungguhnya sayaitan bergerak pada anak adam tempat saluran darah. (Hadis riwayat Bukhari)
3. Puasa mendidik orang kaya agar simpati terhadap golongan fakir miskin melalui sedekah dan memberi makan berbuka bagi orang yang berpuasa.
4. Puasa adalah cara menyembuh penyakit yang disebabkan oleh makanan dan perut.

(٢) غسيل الكلي

غسيل الكلي عملية تهدف إلى إزالة الفضلات والمواد السامة من الجسم عندما تفشل الكلي في أداء عملها وهو تنظيف الدم. إذا أجرى الصائم عملية غسيل الدم، فلا يبطل صومه. وذلك لأن العملية لا تكون من طريق منفذ مفتوح، والصوم إنما يبطل بإدخال شيء في منفذ مفتوح.

(٣) استعمال الحقنة

الحقنة إدخال دواء أو نحوه من الدبر، وقيل من القبل أيضا. فإدخال شيء إلى القبل والدبر مفطر للصوم، لأنهما منفذان مفتوحان. وأما الإبرة العلاجية التي يأخذها الصائم في الوريد أو العضل، فلا يفسد صومه.

*** حكمة الصيام**

صيام شهر رمضان عبادة فرضها الله تعالى على المسلمين، ولا شك فيه أن أحكام الله تعالى كلها قائمة على حكم وأسرار وفوائد للعباد. ومنها:

١. امتثال أوامر الله بترك الشهوات لأجل الله
٢. الصيام يضيق مجاري الشيطان لقوله ﷺ: إن الشيطان يجري من ابن آدم مجرى الدم.
٣. الصوم يدرّب الغني على مواساة الفقراء والمحتاجين من خلال الصدقة وتفتير الصائمين
٤. الصيام وسيلة للشفاء من الأمراض التي تسببها الأطعمة والمعدة

QADA', FIDYAH DAN KIFARAH PUASA**Definisi Qada', Fidyah dan Kifarah Puasa**

Qada' dari sudut **bahasa** : Perkataan "Qada" adalah lawan bagi perkataan "tunai"

Dari sudut istilah **syarak** : Melakukan ibadat di luar waktunya yang telah ditentukan pada syarak.

Qada' puasa : orang yang diwajibkan qada puasa selepas berakhir bulan Ramadhan dan hari raya puasa mengikut bilangan hari yang dia tidak puasa pada bulan Ramadhan.

Fidyah dari sudut **bahasa** : Apa yang diberikan seperti harta dan seumpamanya untuk membersihkan diri orang yang melakukan pemberian tersebut.

Dari sudut istilah **syarak** : Apa yang diberikan kerana Allah sebagai balasan kerana pengabaian dalam ibadat

Fidyah puasa : Memberi makan setiap hari secupak makanan ruji sesebuah tempat dan sedekahnya kepada orang fakir

Kifarah dari sudut **bahasa** : Diambil dari perkataan (الكفر) tabir/penutup, kerana ia menutup dosa dan menyembunyikannya.

Dari sudut istilah **syarak** : Perkara yang dapat mengampunkan dosa seperti sedekah, puasa atau seumpamanya.

Kifarah puasa : Perkara yang wajib ke atas orang yang merosakkan puasa Ramadhan dengan jimak (persetubuhan) sebagai menghapuskan dosanya

القضاء والفدية وكفارة الصوم**تعريف القضاء والفدية والكفارة للصوم**

القضاء لغة : ضد الأداء.

شرعا : فعل العبادة خارج وقتها المحدود شرعا.

قضاء الصوم : أن يصوم من وجب فيه حقه القضاء، بعد انتهاء شهر رمضان

ويوم العيد عدد الأيام التي أفطرها في رمضان.

الفدية لغة : ما يقدم من مال ونحوه لتخليص المديني.

شرعا : ما يقدم لله جزاء لتقصير في عبادة.

فدية الصوم : أن يطعم عن كل يوم مدا من غالب قوت البلد، ويتصدق به على

الفقراء.

الكفارة لغة : مأخوذة من الكفر أي الستر، لأنها تغطي الذنب وتستره.

شرعا : ما يستغفر به الآثم من صدقة أو صوم أو نحو ذلك.

كفارة الصوم : ما يجب على من أفسد صوم رمضان بجماع جبرا لإثمه.

قوله تعالى :

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ وَعَلَىٰ
 الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۖ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُمْ ۚ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ
 لَّكُمْ ۖ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾ (سورة البقرة : ١٨٤)

الحديث : فدية الصوم

عَنْ عَطَاءٍ، سَمِعَ ابْنَ عَبَّاسٍ، يَقْرَأُ ﴿وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ﴾
 قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: «لَيْسَتْ بِمَنْسُوحَةٍ هُوَ الشَّيْخُ الْكَبِيرُ، وَالْمَرْأَةُ الْكَبِيرَةُ لَا يَسْتَطِيعَانِ أَنْ يَصُومَا،
 فَيُطْعِمَانِ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا» (رواه البخاري)

الحديث : كفارة الصوم

عن أبي هريرة قال: بينما نحن جلوس عند النبي ﷺ إذ جاءه رجل، فقال: يا رسول الله، هلكت، قال: "ما لك؟"، قال: وقعت على امرأتي وأنا صائم، فقال رسول الله ﷺ: "هل تجد رقبة تعتقها؟" قال: لا، قال: "فهل تستطيع أن تصوم شهرين متتابعين؟" قال: لا، قال: "فهل تجد إطعام ستين مسكيناً؟" قال: لا، قال: فسكت النبي ﷺ، فبينما نحن على ذلك أتى النبي ﷺ بعرق فيها تمر، قال: "أين السائل؟" فقال: أنا، قال: "خذ هذا فتصدق به" فقال الرجل: على أفقر مني يا رسول الله؟ فو الله ما بين لابتيها أهل بيت أفقر من أهل بيتي، فضحك النبي ﷺ حتى بدت أنيابه، ثم قال: "أطعمه أهلك". [رواه البخاري ومسلم]

Dalil disyariatkan Qada', Fidyah dan Kifarah Puasa

Firman Allah swt:

(iaitu) dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), Maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin. barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan [dengan memberi makan lebih dari seorang miskin untuk satu hari.], Maka Itulah yang lebih baik baginya. dan berpuasa itu lebih baik bagimu jika kamu Mengetahui

Hadis : Fidyah Puasa

Daripada 'Ata, beliau mendengar Ibnu Abbas membaca ayat : “dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin”. Ibnu Abbas berkata: Ayat ini tidak dinasakahkan. Maksudnya : lelaki tua dan perempuan tua yang tidak mampu untuk berpuasa, maka hendaklah kedua-duanya memberi makan seorang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan puasa tersebut. (Hadis riwayat Bukhari)

Hadis : Kifarah Puasa

Daripada Abu Hurairah berkata: “Ketika kami duduk di samping Rasulullah saw, tiba-tiba datang seorang laki-laki berkata: “Ya Rasulullah, celaka aku ini”. Rasulullah bertanya: “Apa yang menimpa kamu?”. Ia menjawab: “Saya melakukan bersetubuh dengan isteri sedangkan saya sedang berpuasa”. Rasulullah saw bersabda: “Adakah kamu hamba perempuan yang boleh kamu merdekakannya?”. Lelaki itu menjawab: “Tidak ada”. Rasulullah saw bertanya kembali: “Adakah kamu mampu untuk berpuasa dua bulan berturut-turut?” Laki-laki itu menjawab: “Tidak mampu”. Rasulullah saw bertanya kembali: “Adakah kamu mempunyai makanan yang boleh kamu berikan kepada enam puluh orang miskin?” Laki-laki itu menjawab: “Tidak ada”. Rasulullah saw lalu terdiam sejenak. Tidak lama kemudian, Rasulullah saw membawakan sekeranjang kurma. Rasulullah saw bertanya kembali: “Di manakah orang yang bertanya tadi?”. Lelaki itu menjawab: “Saya di sini”. Rasulullah saw bersabda kembali: “Bawa kurma ini dan sedekahkanlah”. Lelaki itu berkata kembali: “Kepada orang yang lebih miskin dari saya, Rasulullah? Demi Allah tidak ada keluarga yang paling miskin di antara dua hujung kota ini selain keluarga saya”. Rasulullah saw tertawa sehingga nampak gigi serinya, kemudian baginda bersabda: “Berikan kurma ini ke ahli keluargamu” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Orang yang Wajib qada' puasa

Wajib qada' puasa ke atas orang yang merosakkan puasa Ramadhan apabila dia mampu untuk berpuasa. Manakala dosa itu terkena pada orang yang meninggalkan puasa dengan sengaja atau merosakkannya tanpa apa-apa keuzuran syarak. Orang yang wajib qada' puasa sahaja:

1. Orang musafir perjalanan jauh
2. Orang sakit yang kuat
3. Perempuan mengandung dan menyusui yang tidak puasa kerana bimbang terhadap dirinya sendiri atau kandungannya / anaknya

Orang yang Wajib membayar fidyah

Fidyah puasa ialah memberi makan setiap hari secupak makanan ruji sesebuah tempat dan sedekahkannya kepada orang fakir dan miskin. Orang yang wajib membayar fidyah sahaja:

1. Orang sakit yang tiada harapan sembuh
2. Orang tua yang lemah yang tidak mampu untuk berpuasa

Orang yang Wajib Qada puasa serta membayar fidyah

1. Perempuan hamil dan menyusui yang tidak puasa kerana bimbang terhadap anaknya sahaja.
2. Orang yang melewati qada' puasa Ramadhan tanpa keuzuran sehingga datang bulan Ramadhan yang lain. Bertambah fidyah dengan bertambahnya tahun.

Contoh:

Zaid meninggalkan 3 hari puasa Ramadhan pada tahun 1433 H. dia tidak mengqada'nya sehingga datang Ramadhan 1436 h. maka fidyah yang wajib dibayar oleh Zaid serta qada' puasanya ialah 9 cupak

من يجب عليه قضاء الصوم

يجب القضاء على من أفسد صوم رمضان إذا كان ممن يقدر على الصيام. وأما الإثم، فيلحق بمن ترك الصوم متعمداً أو أفسده بغير عذر. والذي يجب عليه القضاء فقط :

- (١) المسافر سفراً طويلاً
- (٢) المريض مرضاً شديداً
- (٣) الحامل والمرضع اللتان أفطرتا خوفاً على أنفسهما أو مع الولد

من يجب عليه الفدية

الفدية في الصوم هي أن يطعم عن كل يوم مداً من غالب قوت البلد، يتصدق به على الفقراء والمساكين. والذي عليه الفدية فقط :

- (١) المريض الذي لا يرجى شفاؤه
- (٢) الكبير العاجز الذي لا يقدر على الصيام

من يجب عليه القضاء والفدية معا

- (١) الحامل والمرضع اللتان أفطرتا خوفاً على الولد فقط.
- (٢) من آخر قضاء صيام رمضان بغير عذر حتى حل رمضان آخر. وتكرر الفدية بتكرر السنين.

مثاله:

ترك زيداً ثلاثة أيام من صوم رمضان في سنة ١٤٣٣ هـ. ولم يقضها حتى حلَّ رمضان سنة ١٤٣٦ هـ. فالفدية التي يجب على زيد دفعها مع القضاء: تسعة أمداد.

| | | |
|--------------------------------------|--------------------|----------------------------|
| 1433 H - meninggalkan puasa Rmadhan | - (3 Hari) | } + qada' puasa 3 hari. |
| 1434 H - tidak qada' puasa Rmadhan | - (fidyah 3 cupak) | |
| 1435 H - - tidak qada' puasa Rmadhan | - (fidyah 6 cupak) | |
| 1436 H - qada' puasa Rmadhan | - (fidyah 9 cupak) | |

| | | |
|---------------------|----------------|--------------------------|
| + قضاء الصوم ٣ أيام | (٣ أيام) | ١٤٣٣ هـ - ترك صيام رمضان |
| | (فدية ٣ أمداد) | ١٤٣٤ هـ - لم يقض الصيام |
| | (فدية ٦ أمداد) | ١٤٣٥ هـ - لم يقض الصيام |
| | (فدية ٩ أمداد) | ١٤٣٦ هـ - يقضي الصيام |

Orang yang wajib qada' puasa dan bayar fidyah

Orang yang merosakkan puasa sehari daripada bulan Ramadhan dengan melakukan jimak (persetubuhan), maka wajib ke atasnya membayar kafarah, qada' puasa dan bertaubat, kerana perbuatannya itu dianggap mencemar kehormatan bulan Ramadhan. Kafarah ini tidak wajib kecuali setelah mencukupi syarat-syarat berikut:

- 1- Merosakkan puasa Ramadhan. Maka tidak dikenakan kifarah apabila dia merosakkan puasa qada', puasa kifarah, puasa nazar atau puasa sunat
- 2- Dia mengetahui tentang haramnya perkara tersebut. Maka tidak dikenakan kafarah ke atas orang jahil kerana dia baru masuk Islam.
3. Orang yang bersetubuh itu ingat dia sedang berpuasa. Maka tidak dikenakan kafarah ke atas orang yang bersetubuh dalam keadaan lupa.
4. Tidak diberi rukhsah (kelonggaran berpuasa atau tidak) dengan sebab musafir, kerana musafir itu adalah syubhah yang menolak dikenakan kifarah.

** Nilai Mulia

1. Sentiasa bersabar dalam menanggung tanggungjawab
2. Merosakkan puasa Ramadan tanpa sebab syarak adalah haram dan ianya daripada dosa-dosa besar
3. Janganlah menganggap meninggalkan puasa dengan sengaja sekalipun wajib ke atasnya qada' selepas itu.

من يجب عليه القضاء والكفارة معا

من أفسد صوم يوم من أيام رمضان بجماع تجب عليه الكفارة مع القضاء والتوبة، لأن فعله يعد هتكا لحرمه شهر رمضان. ولا تجب الكفارة إلا إذا توافرت الشروط الآتية :

- ١- إفساد صيام رمضان، فلا كفارة إذا أفسد صوم قضاء أو كفارة أو نذر أو نفل
- ٢- أن يكون عالما بالتحريم، فلا كفارة على جاهل بقرب عهده بالإسلام
- ٣- أن يكون المجامع ذاكرة لصومه، فلا كفارة على من جامع ناسيا
- ٤- غير مترخص بالسفر، لأن السفر شبهة في درء الكفارة

** القيمة

- ١- ملازمة الصبر في تحمل المسؤولية
- ٢- إفساد صيام رمضان بدون سبب شرعي حرام وهو من الكبائر
- ٣- لا يتهاون الإنسان في ترك الصيام عمدا، وإن عزم على قضائه بعد ذلك.

والكفارة على الترتيب التالي

الأمر الأول : عتق رقبة مؤمنة.

الأمر الثاني : صيا شهرين متتابعين.

الأمر الثالث : إطعام ستين مسكينا.

في حالة العجز :

فلو عجز عن جميع الأمور، استقرت الكفارة في ذمته. فإذا قدر على أحد منها، فعلها.

مقدار المد حديثا

المد رطل وثلث بالرطل البغدادي، ويساوي الآن ٦٧٥ غرام تقريبا لأن المد ربع الصاع.

والصاع ٢,٧ كيلو غرام.

** معلومات تهمك

من جامع في يومين لزمه كفارتان، وحدوث السفر والمرض بعد الجماع لا يسقط الكفارة. وإنما

تجب الكفارة على الزوج المجمع، ولا تجب على الزوجة، أو المرأة الموطوءة وإن كانت صائمة.

Kafarah dilaksanakan mengikut susunan berikut

Perkara pertama : Memerdekakan hamba perempuan yang beriman

Perkara kedua : Puasa dua bulan berturut-turut

Perkara ketiga : Memberi makan 60 orang miskin

Ketika keadaan tidak mampu:

Sekiranya dia tidak mampu melakukan semua perkara tersebut, maka kafarah tersebut kekal menjadi tanggungjawabnya. Apabila dia mampu melakukan salah satu daripada tiga perkara tersebut maka hendaklah dia lakukannya.

Kadar “mud” mengikut kiraan modenSatu mud ialah $1\frac{1}{3}$ ratl *Baghdad*. sekarang ianya menyamai lebih kurang 675 gram, kerana satu *mud* itu ialah $\frac{1}{4}$ gantang. Satu gantang ialah 2.3 kilogram.**** info penting**Sesiapa yang melakuka jimak (persetubuhan) dua hari maka wajib ke atasnya dua *kafarah* dan berlakunya musafir atau sakit selepas jimak itu tidak menggugurkan kifarah tersebut. *Kafarah* itu wajib ke atas suami yang menyetubuhi isterinya dan tidak wajib ke atas isteri atau perempuan yang disetubuhi itu sekalipun ia berpuasa.

التراويح لغة : جمع ترويح بمعنى استراحة.

شرعا : هي قيام ليالي شهر رمضان بالصلوات المخصوصة.

سميت الصلاة بالتراويح لأن الناس كانوا يتروحون عقب كل أربع ركعات، أي يستريحون.

دليل مشروعية صلاة التراويح

الحديث :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ. [متفق عليه]

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ الْقَارِيِّ أَنَّهُ قَالَ : خَرَجْتُ مَعَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَيْلَةً فِي رَمَضَانَ إِلَى الْمَسْجِدِ، فَإِذَا النَّاسُ أَوْزَاعٌ مُتَفَرِّقُونَ يُصَلِّي الرَّجُلُ لِنَفْسِهِ وَيُصَلِّي الرَّجُلُ فَيُصَلِّي بِصَلَاتِهِ الرَّهْطُ. فَقَالَ عُمَرُ : إِنِّي أَرَى لَوْ جَمَعْتُ هَؤُلَاءِ عَلَى قَارِيٍّ وَاحِدٍ، لَكَانَ أَمْثَلًا. ثُمَّ عَزَمَ فَجَمَعَهُمْ عَلَى أَبِي بِنِ كَعْبٍ. ثُمَّ خَرَجْتُ مَعَهُ لَيْلَةً أُخْرَى وَالنَّاسُ يُصَلُّونَ بِصَلَاةِ قَارِيهِمْ. قَالَ عُمَرُ : نِعِمَّتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ. [رواه البخاري]

حكم صلاة التراويح

صلاة التراويح سنة.

وهي من النوافل التي تسن فيها الجماعة. ذلك لفعله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ليالي رمضان مع الصحابة، ثم صلاحها في بيته باقي الشهر خشية أن تفرض عليهم. وجمع عمر الناس في عهده على إمام، واستمر ذلك إلى يومنا هذا.

SOLAT TARAWIH

Definisi solat tarawih

(التراويح) dari sudut **bahasa** ialah kata jamak bagi perkataan “tarwihah”, ertinya berehat

Dari sudut **syarak** : Tarawih ialah mendirikan malam bulan Ramadhan dengan solat tertentu. Dinamakan solat tarawih kerana manusia mereka berehat selepas setiap 4 rakaat.

Dalil disyariatkan solat tarawih

Hadis :

Daripada Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda: “Barangsiapa menegakkan solat di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharap perhitungan (pahala), maka diampuni dosanya yang telah lalu

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Daripada Abdul Rahman bin Abd al-Qari berkata: “Aku keluar bersama Umar bin al-Khattab r.a pada satu malam di bulan Ramadan ke masjid. Di dapati orang ramai berselerakan. Ada yang solat bersendirian, ada pula yang bersolat dan sekumpulan (datang) mengikutinya. ‘Umar berkata: “Jika aku himpulkan mereka (berjemaah) dengan seorang imam adalah lebih baik.” Kemudian beliau melaksanakannya maka dihimpunkan mereka dengan (diimamkan oleh) Ubai bin Ka’ab. Kemudian aku keluar pada malam yang lain, orang ramai bersolat dengan imam mereka (Ubai bin Ka’ab). Berkata ‘Umar: “Sebaik-baik bid’ah adalah perkara ini”.

(hadis riwayat Bukhari)

Hukum Solat tarawih

Solat tarawih adalah sunat

Ianya antara solat sunat yang disunatkan melakukannya secara berjemaah. Perkara tersebut adalah kerana nabi melakukannya pada malam-malam bulan Ramadhan bersama para sahabat, kemudian baginda solat tarawih di rumahnya pada malam-malam Ramadhan seterusnya bimbang ianya diwajibkan ke atas mereka. Umar bin al-Khattab mengumpulkan orang ramai solat berjemaah bersama imam pada zaman (pemerintahannya). Dan berterusan perkara tersebut sehingga hari ini.

**** Nilai Murni**

1. Bersungguh-sungguh mendirikan solat di bulan ramadhan
2. Memperbanyakkan membaca al Quran kerana bulan Ramadhan adalah bulan al Quran.
3. Memperbanyakkan bersedekah dan memberi makanan berbuka untuk orang berpuasa.

Waktu solat terawih

Waktu solat terawih adalah selepas solat Isya walaupun solat isyak itu secara jamak taqdim (bagi orang bermusafir dan seumpamanya) Sehingga terbit fajar sadik.

Waktunya yang paling baik ialah masuk $\frac{1}{4}$ malam

Waktu harus solat tarawih : selepas solat isyak sehingga subuh

Waktu terbaik : selepas $\frac{1}{4}$ malam:

7:30 malam – 5:30 pagi = 10 jam

10 jam \div 4 = 2 $\frac{1}{2}$ jam

7:30 + 2:30 = 10:00 malam

**** info penting**

Ibnu Battal berkata: Mendirikan solat di bulan Ramadhan adalah sunat kerana Umar r.a mengambilnya dari perbuatan nabi saw, tetapi nabi saw meninggalkannya kerana bimbang ianya menjadi fardu (wajib).

١. الحرص على قيام رمضان

٢. الإكثار من قراءة القرآن، لأن رمضان شهر القرآن.

٣. الإكثار من الصدقة وتطير الصائمين.

وقت صلاة التراويح

وقت صلاة التراويح بعد صلاة العشاء – ولو جمع تقديم – حتى طلوع الفجر الصادق.

ووقتها المختار يدخل بربع الليل.

وقت الجواز لصلاة التراويح : بعد صلاة العشاء إلى الصبح.

وقت الاختيار : بعد ربع الليل :

٧:٣٠ مساءً – ٥:٣٠ صباحاً = عشر ساعات

عشر ساعات \div ٤ = ساعتان ونصف

٧:٣٠ + ٢:٣٠ = ١٠:٠٠ ليلاً

**** معلومات تهمك**

قال ابن بطال: قيام رمضان سنة لأن عمر رضي الله عنه إنما أخذه من فعل النبي صلى الله عليه وسلم وإنما تركه النبي

صلى الله عليه وسلم خشية الافتراض

أقل مجزئ : ركعتان

عدد ركعات التراويح عند الجمهور : ٢٠ ركعات

رأي بعض العلماء في عدد ركعات التراويح : ٨ ركعات

الحديث :

روى البيهقي وغيره بإسناد صحيح : كَانُوا يُفُؤْمُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بِعِشْرِينَ رَكْعَةً.
[السنن الكبرى للبيهقي]

** معلومات تهمك

لو صلى أحد التراويح أربع ركعات بتسليمه، لم تصح لأنه خلاف المشروع.

كيفية صلاة التراويح

١. تسن الجماعة في التراويح والوتر بعدها.

٢. أن تصلي ركعتين ركعتين. فلو أحرم بأكثر من ركعتين، لم تصح.

٣. يسن أن يستريح بعد كل أربع ركعات كما فعل السلف الصالح، فكانوا يتروحون بعد

كل أربع. ولا يستعجل في التراويح.

٤. يسن أن يختم القرآن كاملا في التراويح.

٥. يسن أن يصلي بعد التراويح الوتر جماعة في رمضان.

Bilangan rakaat solat terawihBentuk yang paling ringkas ialah **2 rakaat**Bilangan rakaat solat terawih mengikut kebanyakan ulamak ialah **20 rakaat**setengah ulamak berpendapat bilangan rakaat solat terawih ialah **8 rakaat****Hadis :**

al Baihaqi dan lainnya meriwayatkan dengan sanad yang sahih: Semua orang Islam melaksanakan (solat Tarawih) pada zaman Umar bin Khathab r.a di bulan Ramadhan sebanyak 20 rakaat. [Sunan Kubra oleh Baihaki]

** info penting

Jika seseorang itu solat Tarawih empat rakaat dengan satu salam, maka tidak sah kerana ia bertentangan dengan apa yang disyorkan.

cara solat Tarawih

1. Disunatkan berjemaah pada solat terawih dan witr selepasnya.
2. Solat dilakukan dua rakaat, dua rakaat. Sekiranya takbiratul ihram dengan lebih daripada dua rakaat, maka tidak sah solat tersebut.
3. Disunatkan berehat selepas setiap 4 rakaat dan tidak perlu solat terawih dengan cepat.
4. Disunatkan mengkhatam al Quran dengan sempurna dalam solat terawih.
5. Disunatkan solat witr selepas solat terawih pada bulan Ramadhan.

فضائل صلاة التراويح

(١) اقتداء برسول الله ﷺ في إحياء ليالي رمضان.

(٢) رجاء غفران الذنوب.

(٣) التماس ليلة القدر لا سيما في العشر الأواخر من رمضان.

** معلومات تهمك

جمع عمر الناس على قيام شهر رمضان. الرجال على أبي بن كعب، والنساء على سليمان بن أبي حثمة.

الحديث :

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ، شَدَّ مِئْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيَّقَظَ أَهْلَهُ. [متفق عليه]

** معلومات تهمك

عن زيد بن خالد الجهني رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ ﷺ: "من فطر صائما، كان له مثل أجره غير أن ينقص من أجر الصائم شيء". [رواه الترمذي وابن ماجه]

تطبيق عملية صلاة التراويح

١. لفظ النية: أصلي سنة التراويح ركعتين (إماما/مأموما) لله تعالى.

٢. يتم المصلي الصلاة بقراءة الفاتحة والسورة والركوع والسجود والتشهد وغير ذلك، حتى يسلم من ركعتين.

٣. بعد السلام، يقوم إلى ركعتين أخريين من صلاة التراويح.

٤. وبعد السلام من أربع، يستريح قليلا قبل أن يقوم إلى ركعتين أخريين. وهكذا يفعل حتى يكمل عدد ركعات التراويح.

KELEBIHAN SOLAT TERAWIH

1. Mencontohi Rasulullah dalam menghidupkan malam-malam Ramadhan
2. Mengharapkan pengampunan dosa
3. Mencari malam al Qadr terutama pada 10 akhir Ramadhan.

** info penting

Umar mengumpulkan orang ramai untuk melakukan solat di bulan Ramadan. Orang lelaki diimamkan oleh Abu Bakar bin Ka'ab dan orang perempuan diimamkan oleh Sulaiman bin Abu Hathmah.

Hadis:

Dari Aisyah r.a berkata: "Nabi saw memasuki sepuluh akhir (dari bulan Ramadhan), Beliau mengencangkan kain sarungnya, menghidupkan malamnya dengan ber'ibadah dan membangunkan keluarga Beliau

[hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

** info penting

daripada Zaid bin Khalid al-Juhani r.a berkata : Nabi saw bersabda.: Barangsiapa yang memberi makan (untuk berbuka puasa) kepada orang yang berpuasa, akan mendapat pahala yang serupa dengan orang yang berpuasa tanpa kurang sedikit pun.

[hadis riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah]

Pelaksanaan amali solat Tarawih

1. Lafaz niat: Sahaja aku solat Tarawih dua rakaat (imam / makmum) kerana Allah Taala.
2. Menyempurnakan solat dengan membaca surah al Fatihah dan Surah, ruku', sujud dan tasyahhud dan lain-lain, sehingga memberi salam dengan menyelesaikan dua rakaat solat tersebut.
3. Setelah memberi salam, seseorang itu bangun melakukan dua rakaat solat tarawih seterusnya
4. Setelah memberi salam selesai 4 rakaat, seseorang itu berehat sebentar sebelum bangun untuk mendirikan dua rakaat seterusnya.

SOLAT DUA HARI RAYA

Definisi solat dua hari raya

(العيد) dari sudut **bahasa**: perkataan “id” diambil dari perkataan “aud”. Ini kerana ianya berulang setiap tahun, atau kerana banyak pemberian Allah kepada hambanya pada hari tersebut, atau kerana kembalinya kegembiraan dengan kembalinya hari tersebut. Kata jamak (عيد) ialah (أعياد)

Dari sudut **syarak**: Solat dua hari raya ialah solat yang dilakukan pada pagi hari raya puasa dan hari raya korban dengan caranya tertentu.

** info penting

Solat idil-Fitri dan idil-Adha mula disyariatkan pada tahun kedua Hijrah. solat raya pertama yang dituturkan oleh nabi saw ialah solat idil-Fitri pada tahun kedua Hijrah

Dalil disyariatkan solat dua hari raya

Firman Allah saw:

“Maka Dirikanlah shalat Karena Tuhanmu; dan berkorbanlah [sembelihlah haiwan qurban dan syukurilah nikmat Allah].
Surah al Kauthar : 2

Hadis :

Daripada Abu Sa'id Al Khudri berkata: "Pada hari raya Idul Firi dan Adha Rasulullah saw keluar menuju ke tempat solat (kawasan lapang), perkara pertama yang baginda lakukan adalah solat sehingga selesai. Kemudian baginda berdiri menghadap orang ramai sedangkan mereka dalam keadaan duduk di barisan mereka. Baginda memberi nasihat, wasiat dan menyuruh mereka (dengan perintah Allah swt). Dan apabila baginda ingin mengutus pasukan, maka baginda sampaikan atau beliau perintahkan (untuk mempersiapkannya). Setelah itu baginda beredar."

(Hadis riwayat Bukhari)

صلاة العيدين

تعريف صلاة العيدين

العيد لغة : العيد مشتق من العود، وذلك إما لتكرره كل عام، أو لكثرة عوائد الله تعالى فيه على عباده، أو لعود السرور بعوده. وجمعه أعياد.

شرعا : صلاة العيدين هي صلاة أقيمت صباح عيد الفطر وعيد الأضحى بكيفيةها المخصصة.

** معلومات تهمك

شرعت صلاة عيد الفطر وعيد الأضحى في السنة الثانية للهجرة. وكان أول عيد صلاها النبي ﷺ عيد الفطر من السنة الثانية للهجرة.

دليل مشروعية صلاة العيدين

قوله تعالى : فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَحْرَسْ ﴿٢﴾ (سورة الكوثر : ٢)

الحديث :

عن أبي سعيد الخدري قال : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى إِلَى الْمُصَلَّى فَأَوَّلُ شَيْءٍ يَبْدَأُ بِهِ الصَّلَاةَ، ثُمَّ يَنْصَرِفُ فَيَقُومُ مُقَابِلَ النَّاسِ وَالنَّاسُ جُلُوسٌ عَلَى صُفُوفِهِمْ فَيُعْطُهُمْ وَيُوصِيهِمْ وَيَأْمُرُهُمْ، فَإِنْ كَانَ يُرِيدُ أَنْ يَفْطَعَ بَعْثًا فَطَعَهُ أَوْ يَأْمُرَ بِشَيْءٍ أَمَرَ بِهِ ثُمَّ يَنْصَرِفُ..

[رواه البخاري]

Hukum Solat dua hari raya

- Solat dua hari raya adalah **sunat muakkad**
- Disunatkan kepada setiap mukallaf sama ada lelaki atau perempuan, bermukim atau musafir, merdeka atau hamba kecuali perempuan yang berhias atau perempuan yang boleh menimbulkan fitnah, maka hendaklah dia solat di rumah.
- Galakan sedemikian kerana Rasulullah saw tidak pernah meninggalkannya semenjak disyariatkan sehinggalah baginda wafat. Para sahabat selepas baginda sentiasa melakukannya. Ia adalah satu syiar daripada syiar islam pada hari raya sebagai menzahirkan kesyukuran dan kegembiraan.
- Ianya disyariatkan secara berjemaah
- Waktunya antara terbit matahari dan gelincir matahari pada hari raya. Yang paling afdal solat pada waktu dhuha.

Sunat-sunat hari raya dan adabnya

1. Mandi,
2. memakai wangian
3. Memakai pakaian yang paling baik
4. Makan sebelum keluar untuk solat pada hari raya puasa,
5. Pergi untuk solat dengan berjalan kaki melalui satu jalan dan pulang melalui jalan lain.
6. Memperbanyakkan takbir dengan suara nyaring di rumah, jalanan, masjid dan pasar.
7. Imam berkhotbah dengan dua khutbah selepas solat.
8. Para Jemaah mendengar khutbah.
9. Menyegerakan solat hari raya pada hari raya korban

- صلاة العيدين سنة مؤكدة.

- ويسن لكل مكلف رجلا كان أو امرأة، مقيما كان أو مسافرا، حرا كان أو رقيقا، إلا للمرأة المترينة، أو التي قد تثير الفتنة، فتصلى في بيتها.

- وذلك لأن رسول الله ﷺ لم يتركها منذ أن شرعت حتى توفاه الله عزوجل، وواظب عليها أصحابه رضوان الله تعالى من بعده. وهي شعار من شعائر الإسلام في يوم العيد إظهارا للشكر والفرح.

- وتشرع جماعة، وإن كانت الصلاة يصح أداؤها منفردا.

- ووقتها ما بين طلوع الشمس وزوالها يوم العيد، والأفضل أن تصلى في وقت الضحى.

سنن العيد وآدابه

- الغسل.

- التطيب.

- لبس أحسن الثياب.

- الأكل قبل الخروج إلى الصلاة في عيد الفطر.

- أن يذهب إلى الصلاة ماشيا في طريق ويرجع في طريق آخر.

- إكثار التكبيرات بصوت مرتفع في المنازل والطرق والمساجد والأسواق.

- أن يخطب الإمام خطبتين بعد الصلاة.

- أن يستمع المصلون إلى الخطبة.

- تعجيل الصلاة في عيد الأضحى.

Cara melaksanakan solat dua hari raya

- 1- Melafazkan takbiratul ihram dengan niat solat idil fitri atau idil adha
 - 2- Membaca doa iftitah
 - 3- Bertakbir sebanyak tujuh kali dengan mengangkat tangan. Disunatkan membaca di antara dua takbir itu : “Maha suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah dan Allah maha besar”.
- Tidak boleh bertakbir selepas tujuh kali takbir pada rakaat pertama dan tidak boleh bertakbir selepas lima takbir pada rakaat kedua. Sekiranya syak pada bilangan takbir, maka ambillah bilangan yang kurang.
4. Membaca tawwuz dan surah al fatihah serta surah lain selepasnya. Sunat membaca surah Qaf atau al ‘ala pada rakaat pertama.
 5. Kemudian menyempurnakan rakaat pertama.
 6. Bangun untuk rakaat kedua. Setelah berdiri lurus bertakbirlah sebanyak lima takbir dengan mengangkat tangan dan bertasbih di antara dua takbir seperti pada rakaat pertama.
 7. Membaca ta’awwuz dan surah al Fatihah serta surah lain selepasnya. Sunat membaca surah al Qamar atau surah al Ghasyiah pada rakaat kedua.
 8. Kemudian menyempurnakan rakaat tersebut dan memberi salam.
- Selepas solat hari raya, disunatkan imam berpaling (mengadap makmum) untuk menyampaikan dua khutbah hari raya. Janganlan sibuk dengan wirid dan doa. Khutbah hari raya adalah dua khutbah dan duduk antara dua khutbah seperti khutbah pada hari jumaat. Sunat memulakan khutbah pertama dengan 9 kali takbir berturut-turut dan khutbah kedua (memulakannya) dengan 7 kali takbir berturut-turut.

١ . يكبر تكبيرة الإحرام بنية صلاة عيد الفطر أو عيد الأضحى.

٢ . يقرأ دعاء الافتتاح.

٣ . يكبر سبع تكبيرات رافع اليدين. ويسن أن يقرأ بين تكبيرتين :
"سبحان الله، والحمد لله، ولا إله إلا الله والله أكبر"

ولا يكبر بعد التكبيرة السابعة في الركعة الأولى ولا بعد الخامسة ولا قبل الأولى في الركعة الثانية. وإن شك في عدد التكبيرات، أخذ بالأقل.

٤ . يتعوذ ويقرأ الفاتحة والسورة بعدها. والسنة أن يقرأ سورة ق أو سورة الأعلى في الركعة الأولى.

٥ . ثم يتم الركعة الأولى.

٦ . يقوم للركعة الثانية، ولما استوى قائماً يكبر خمس تكبيرات رافع اليدين. ويسبح بين التكبيرتين كما في الركعة الأولى.

٧ . يتعوذ ويقرأ الفاتحة والسورة بعدها. والسنة أن يقرأ سورة القمر أو سورة الغاشية في الركعة الثانية.

٨ . ثم يتم الركعة ويسلم.

*بعد صلاة العيد، يسن أن يدابر الإمام بإلقاء خطبتي العيد، ولا يشتغل بالأوراد والدعاء. وخطبة العيد خطبتان يجلس بينهما كما في خطبة الجمعة. والسنة أن تفتتح الخطبة الأولى بتسع تكبيرات متتالية، والخطبة الثانية بسبع تكبيرات متتالية.

غسل العيد

هذا الغسل يسن مطلقاً، لمن يحضر صلاة العيد وغيره.

ويدخل وقت الغسل العيدين بنصف الليل، والمستحب فعله بعد الفجر.

تكبير العيد

التكبير المرسل : من غروب الشمس ليلة العيدين إلى أن يحرم الإمام بصلاة العيد.

التكبير المقيد : عقب الصلوات من صبح يوم عرفة إلى عصر آخر أيام التشريق (١٣ ذي الحجة)

تطبيق عملية صلاة العيدين

١. لفظ النية:

أصلي سنة عيد(الفطر / الأضحى) ركعتين (مأموماً / إماماً) لله تعالى.

٢. يكبر المصلي سبع تكبيرات في الركعة الأولى قبل قراءة الفاتحة، وخمس تكبيرات في الركعة الثانية ويقراً بين التكبيرتين: "سبحان الله، والحمد لله، ولا إله إلا الله والله أكبر"

٣. يتم الصلاة حتى يسلم مع الإمام. ثم يقوم الإمام بإلقاء خطبة العيد.

**القيمة

١. إظهار الشكر والفرح

٢. توثيق علاقة الأخوة والمحبة بين المسلمين بزيارة الأقارب والجيران والأصدقاء.

٣. ذبح الأضحية وتوزيع اللحم على المسلمين.

****info Penting****Mandi hari raya**

Mandi hari raya ini adalah disunatkan secara umum, untuk orang yang akan menghadiri solat hari raya atau tidak.

Masa untuk mandi dua hari raya bermula pada pertengahan malam dan mustahabb (dikalakkan) melakukannya selepas subuh.

Takbir hari raya

(التكبير المرسل) : bermula dari matahari terbenam malam dua hari raya sehingga takbiratul ihram imam pada solat hari raya.

(التكبير المقيد) : dilakukan selepas setiap solat fardu bermula solat subuh hari Arafah hingga solat asar hari Tashriq (13 Dhu al-Hijjah)

Perlaksanaan amali solat dua hari raya**1. Lafaz Niat:**

Sahaja aku solat (idul-Fitr / idul-Adha) dua rakaat (makmum / imam) kerana Allah Taala.

2. Bertakbir sebanyak tujuh kali pada rakaat pertama sebelum membaca surah al fatihah. Lima kali takbir pada rakaat kedua dan membaca di antara dua takbir itu : "Maha suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah dan Allah maha besar".

3. menyempurnakan solat sehingga memberi salam bersama imam. Kemudian imam bangun menyampaikan khutbah hari raya.

**** Nilai Murni**

1. Menzahirkan rasa syukur dan kegembiraan

2. Mengeratkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang di kalangan umat Islam dengan menziarahi saudara mara, jiran dan rakan-rakan.

3. Menyembelih binatang sembelihan dan mengedarkan dagingnya kepada orang Islam.

Definisi Solat Dhuha

Dhuha dari sudut **bahasa** : Waktu awal siang hari ketika terbit matahari
Solat Dhuha dari sudut syarak : Solat sunat yang sangat digalakkan pada waktu dhuha (pagi).

**** info Penting**

Dalam kitab Mukhtar al-Sahhah menyebut perbezaan di antara perkataan-perkataan ini:

(الضحوة) : waktu siang selepas matahari terbit

(الضحى) : waktu selepas Dhahwah

(الضحاء) waktu selepas waktu dhuha ketika matahari bertambah tinggi

Dalil disyariatkan Solat Dhuha**Hadis:**

Daripada Abu Zar r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda: *“Pada tiap-tiap pagi, lazimkanlah atas tiap-tiap ruas anggota seseorang kamu bersedekah; tiap-tiap tasbih satu sedekah, tiap-tiap tahmid satu sedekah, tiap-tiap tahlil satu sedekah, tiap-tiap takbir satu sedekah, menyuruh berbuat baik satu sedekah, mencegah kemungkaran satu sedekah dan cukuplah (sebagai ganti) yang demikian itu dengan mengerjakan dua rakaat sembahyang Dhuha”* (Hadis Riwayat Muslim)

Hadis:

Dari Abu Hurairah r.a berkata: *“Kekasihku Rasulullah saw telah berwasiat kepadaku tiga perkara, aku tidak akan meninggalkannya, iaitu; puasa tiga hari setiap bulan, solat Dhuha dan solat witir sebelum aku tidak tidur”*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

صلاة الضحى**تعريف صلاة الضحى**

الضحى لغة : أول النهار حين تشرق الشمس.

صلاة الضحى شرعا : النافلة المؤداة في وقت الضحى.

** معلومات تهمك

ذكر في كتاب مختار الصحاح الفرق بين هذه الكلمات:

الضحوة : النهار بعد طلوع الشمس

الضحى : بعد الضحوة

الضحاء : بعد الضحى عند ارتفاع النهار الأعلى

دليل مشروعية صلاة الضحى

الحديث :

عن أبي ذر رضي الله عنه، أن النبي ﷺ قال : يُصْبِحُ عَلَى كُلِّ سَلَامٍ مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ، فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ، وَيُجْزَى مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى.

[رواه مسلم]

الحديث :

عن أبي هريرة رضي الله عنه، قال : أَوْصَانِي خَلِيلِي ﷺ بِثَلَاثٍ لَا أَدْعُهُنَّ حَتَّى أَمُوتَ : صَوْمٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَصَلَاةُ الضُّحَى، وَأَنْ أَوْتِرَ قَبْلَ أَنْ أُرْقَدَ. [متفق عليه]

حكم صلاة الضحى

صلاة الضحى سنة مؤكدة عند جمهور العلماء.

قال النووي رحمه الله في المجموع : صلاة الضحى سنة مؤكدة، وهو مذهبا ومذهب جمهور السلف الصالح، وبه قال الفقهاء المتأخرون كافة.

وقت صلاة الضحى

ووقتها من ارتفاع الشمس قدر رمح إلى الزوال. فيبدأ وقت الضحى تقريبا بعد مضي ٢٨ دقيقة من وقت الشروق. والأفضل تأخيرها إلى ربع النهار.

الحديث :

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : صَلَاةُ الْأَوَّابِينَ إِذَا رَمَضَتِ الْفِصَالُ.

[رواه مسلم]

** معلومات تهمك

صلاة الضحى تسمى أيضا صلاة الأوابين. حين تمرض الفصال يعني حين يحترق أخفاف صغار الإبل من شدة حر الرمل.

عدد ركعات صلاة الضحى

أقلها ركعتان، وأكثرها ثمان ركعات، وأدنى كما لها : أربع ركعات

Hukum Solat dhuha

Solat dhuha adalah sunat muakkad mengikut pendapat kebanyakan ulamak Imam nawawi menyebut dalam kitab al Majmuk: Solat dhuha adalah sunat muakkad. Ini adalah pendapat kami dan pendapat kebanyakan golongan terdahulu dan inilah yang dikatakan oleh seluruh ulamak fekah terkemudian

Waktu Solat dhuha

Waktunya bermula dari tingginya matahari kada satu tombak sehingga tergelincir matahari. Bermula waktu dhuha lebih kurang selepas berlalunya 28 minit daripada waktu terbit matahari. Lebih baik melewatkannya sehingga ¼ waktu siang

Hadis:

Dari Zaid bin Arqom r.a, bahwa Rasulullah saw bersabda: *“Shalat orang-orang yang bertaubat adalah ketika anak unta kecil kepanasan”*.

(Hadis Riwayat Muslim)

** info penting

Solat Dhuha juga dinamakan solat Awwabin. Ketika kepanasan anak unta iaitu ketika terbakar tapak kaki anak unta kerana panasnya pasir.

Bilangan rakaat solat Dhuha

solat Dhuha yang paling ringkas adalah dua rakaat
Sebanyak-banyaknya 8 rakaat
Sekurang-kurang sempurnanya adalah 4 rakaat.

كيفية صلاة الضحى

٩. يكبر تكبيرة الإحرام بنية صلاة الضحى.

لفظ النية: أصلي سنة الضحى ركعتين لله تعالى.

١٠. يقرأ دعاء الافتتاح.

١١. يتعوذ ويقرأ الفاتحة والسورة بعدها. ويسن أن يقرأ سورة الشمس في الركعة

الأولى والضحى في الثانية، أو سورة الكافرون في الركعة الأولى والإخلاص في الركعة الثانية. ثم يكمل الركعة.

١٢. يفعل مثل ذلك في الركعة الثانية، ثم يتم الركعة ويسلم.

دعاء الضحى:

اللهم أن الضحى ضحاؤك والبهاء بماؤك والجمال جمالك و القوة قوتك والعزة عزتك
و القدرة قدرتك. اللهم إن كان رزقي من السماء فأنزله و إن كان في الأرض فاخرجه
و إن كان معسرا فيسره و إن كان بعيدا فقربه و إن كان قليلا فكثره و إن كان خبيثا
فطهره بحق ضحاؤك وبماؤك وجمالك وقدرتك وقوتك وعزتك أتني ما آتيت به عبادك
الصالحين

حكمة صلاة الضحى

١. صلاة الضحى بمنزلة الصدقة عن عظام البدن ومفاصله شكرا لله على نعمه.

٢. حصول الأجر العظيم كأجر الحج والعمرة إذا صلى الصبح جماعة ثم مكث حتى ارتفعت الشمس وصلى الضحى.

Cara menunaikan solat Dhuha

- 4- Bertakbiratul ihram dengan niat solat Dhuha
Lafaz niatnya:
"Sahaja aku solat sunat Dhuha dua rakaat kerana Allah Taala".
- 5- Membaca doa iftitah
- 6- Membaca tawwuz dan surah al Fatihah serta surah selepasnya. Disunatkan membaca surah as Syam pada rakaat pertama dan surah ad Dhuha pada rakaat kedua, atau surah al Kafirun pada rakaat pertama dan surah al Ikhlas pada rakaat kedua. Kemudian menyempurnakan rakaatnya.
- 7- Dilakukan seumpama itu pada rakaat kedua, kemudian menyempurnakan rakaatnya dan memberi salam.

Doa solat Dhuha:

"Ya Allah sesungguhnya waktu dhuha itu, adalah waktu dhuha (milikMu), pancaran cahaya adalah pancaran cahaya (milik)Mu, (Segala) KecantikanMu itu adalah kecantikan (milik)Mu, (Apapun) Kekuatan adalah kekuatan (milik)Mu, (Apa juga) qudrat adalah qudratNya, dan (segala) perlindungan itu adalah (datang dari) perlindunganNya. Ya Allah sekiranya rezekiku ada di langit maka turunkanlah ia, jika ada di bumi keluarkanlah ia, Jika ia sukar (Kau) mudahkanlah, Jika ia kotor (Kau) suci bersihkanlah, Jika ia jauh dekatkanlah, dan jika ia hampir maka permudahkanlah, dengan kebenaran dhuhaMu, pancaran cahayaMu, KecantikanMu, KekuatanMu dan QudratMu, Berikanlah aku apa yang telah Kau telah berikan (kepada) hamba-hambaMu yang soleh."

Hikmah solat doa Dhuha

1. Solat Dhuha menepati sedekah bagi setiap tulang-tulang tubuh dan sendi-sendinya sebagai tanda kesyukuran kepada Allah di atas segala nikmatnya.
- 2 Mendapat pahala yang besar seperti pahala ibadat Haji dan Umrah apabila seseorang itu solat Subuh secara berjemaah dan duduk (di tempat solatnya) sehingga matahari terbit, kemudiannya solat Dhuha.

Hadis :

Dari Anas bin Malik r.a berkata, Rasulullah saw bersabda, “Barangsiapa yang solat subuh berjamaah, kemudian dia duduk berzikir kepada Allah swt sehingga matahari terbit, kemudian dia solat dua rakaat, maka dia akan mendapatkan (pahala) seperti pahala haji dan umrah yang sempurna, sempurna, sempurna”.

(hadis riwayat Tirmizi)

Pelaksanaan amali solat Dhuha

1. Pelajar pergi ke musalla sekolah dengan tenang dan teratur untuk menunaikan solat Dhuha.
2. Kemudian mereka mengambil air sembahyang dengan sempurna dengan pengawasan guru supaya dapat mengajar cara berwuduk sepenuhnya.
3. Kemudian mereka melakukan doa Duha dalam jemaah, dan salah mengikut cara yang sempurna.
4. Kemudian mereka menunaikan solat Dhuha secara berjamaah. Salah seorang daripada mereka menjadi imam dan yang lain solat dibelakangnya (sebagai makmum).
5. Setelah selesai solat Dhuha, salah seorang dari mereka tampil ke hadapan untai menyampaikan ucapan ringkas tentang kelebihan solat Dhuha.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَلَّى الْعَدَاةَ فِي جَمَاعَةٍ، ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللَّهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ، كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ حَجَّةٍ، وَعُمْرَةٍ، تَامَّةً، تَامَّةً، تَامَّةً. [رواه الترمذي]

تطبيق عملية صلاة الضحى

١. الطلاب يذهبون إلى مصلى المدرسة بهدوء وسكينة لإقامة صلاة الضحى.
٢. ثم يتوضؤون وضوء كاملاً بمراقبة الأستاذ حتى يعلمهم كيفية الوضوء على الوجه الأكمل.
٣. ثم يقومون بصلاة الضحى في جماعة، فيؤم أحدهم الصلاة والباقيون يصفون خلفه.
٤. بعد الصلاة، يتقدم أحدهم ليلقي محاضرة وجيزة حول فضائل صلاة الضحى.

SOLAT QASAR

Definisi Solat Qasar

(القصر) dari sudut **bahasa** : menjadikan sesuatu lebih sedikit daripada asalnya.

Dari sudut istilah **syarak** : Menunaikan solat 4 rakaat (solat Zohor, Asar dan Isyak) secara 2 rakaat.

Dalil disyariatkan Solat Qasar

Firman Allah swt:

“Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa mengqasarkan (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu”.
(surah an Nisa' : 101)

Hadis:

Daripada Ya'la bin Umaiyah berkata: Aku bertanya pada Umar bin Al-Khattob tentang ayat: ﴿مَآ كُمْ لَا تَجْرُؤُا كَافِرِينَ﴾. Padahal kini orang ramai telah benar-benar aman?" Umar menjawab : "Aku juga rasa hairan tentang apa yang menjadi kehairanan kamu itu, kemudian aku menanyakannya kepada Rasulullah saw. Lalu baginda menjawab : "Qasar itu merupakan sedekah yang diberikan Allah kepada kamu semua, maka terimalah sedekah-Nya"
(hadis riwayat Muslim)

Hukum Solat Qasar

- Qasar solat 4 rakaat (Memendekkannya menjadi 2 rakaat) dengan syarat-syaratnya adalah harus dan tidak wajib. Solat secara tamam (4 rakaat) adalah lebih baik, kecuali apabila perjalanan itu lebih dari tiga marhalah, maka yang lebih baik adalah solat Qasar kerana mengikut sunah nabi saw.
- orang yang sentiasa bermusafir secara umum seperti pemandu bas untuk perjalanan yang jauh, maka solat secara tamam (4 rakaat) adalah lebih baik baginya.
- Perjalanan yang jauh ialah dua marhalah atau lebih. Ukuran sekarang ianya menyamai sekitar 80-90 kilometer atau lebih.

صلاة القصر

تعريف صلاة القصر

القصر لغة : جعل الشيء أقل مما كان عليه.

شرعا : أداء الصلاة الرباعية (الظهر والعصر والعشاء) ركعتين.

دليل مشروعية صلاة القصر

قوله تعالى :

وَإِذَا صَرَيْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمْ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُّبِينًا
[سورة النساء: ١٠١]

الحديث:

عن يعلى بن أمية قال: قلت لعمر بن الخطاب: فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمْ الَّذِينَ كَفَرُوا فَقَدْ أَمِنَ النَّاسُ فَقَالَ: عَجِبْتُ مِمَّا عَجِبْتَ مِنْهُ فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنْ ذَلِكَ، فَقَالَ: صَدَقَ اللَّهُ بِمَا عَلَيْكُمْ، فَاقْبَلُوا صِدْقَهُ.
[رواه مسلم]

حكم صلاة القصر


- قصر الصلاة الرباعية بشروطه جائز وليس واجبا. فالإتمام أفضل، إلا إذا كان السفر أكثر من ثلاث مراحل، فالأفضل القصر للاتباع.
- وأما من يديم السفر مطلقا كسائق الأتوبيس لسفر طويل، فالإتمام أفضل له.
- والسفر الطويل هو مرحلتان فأكثر وتساوي اليوم حوالي ٨٠ - ٩٠ كيلو مترا فصاعدا.

| Orang yang bermusafir | |
|-------------------------|---|
| Perjalanan yang singkat | Wajib solat secara tamam (4 rakaat) |
| 80 - 120 km | harus solat secara qasar (2 rakaat) atau tamam (4 rakaat) |
| 120 km atau lebih | Solat secara qasar itu lebih baik |

** info penting

Solat Qasar mula disyariatkan pada tahun 4 hijrah, seperti yang dikatakan oleh Ibnu al-Athir r.a. Ada pendapat mengatakan ianya disyariatkan pada tahun kedua di bulan Rabi'ul awwal.

Solat Jamak mula disyariatkan pada tahun 9 hijrah semasa peperangan Tabuk.



Soalan : Manakah solat yang lebih baik dalam perjalanan seperti di atas: solat qasar atau solat tamam?

Jawapan : Jika jarak perjalanan adalah dua marhalah dan tidak sampai tiga marhalah, maka solat yang lebih baik adalah solat secara tamam. Sekiranya perjalanan itu tiga marhalah atau lebih, maka solat qasar adalah lebih baik.

Syarat sah solat Qasar

1. Perjalanan itu adalah perjalanan yang jauh, iaitu dua marhalah yang menyamai 80-90 kilometer atau lebih.
2. Perjalanan itu menuju ke tempat tertentu, maka tidak boleh solat qasar bagi orang kebingungan yang tidak tahu tempat tujuannya.
3. Perjalanan itu adalah perjalanan yang diharuskan, maka tidak boleh solat qasar bagi orang musafir kerana tujuan maksiat
4. Seseorang itu keluar melepasi tempat kediamannya
5. Berterusan perjalanan sehingga selesai solat tersebut. Sekiranya seseorang itu menjadi orang yang bermukim dipertengahan solatnya, maka dia hendaklah solat secara tamam 4 rakaat

| المسافر | |
|---------------------|----------------------|
| وجوب الإتمام | السفر القصير |
| جواز القصر والإتمام | ٨٠ - ١٢٠ كيلو مترا |
| القصر أفضل | ١٢٠ كيلو مترا فصاعدا |

** معلومات تهمك

شرح القصر في السنة الرابعة من الهجرة كما قال ابن الأثير رحمته الله. وقيل في السنة الثانية في ربيع الآخر منها.

وشرح الجمع في السنة التاسعة من الهجرة في غزوة تبوك.



س- أيهما أفضل في السفر: القصر أو الإتمام؟

ج- إذا كانت مسافة السفر مرحلتين ولم يبلغ ثلاثا، فالأفضل الإتمام. وإذا كانت ثلاث مراحل فأكثر، فالقصر أفضل.

شروط صحة صلاة القصر

١. أن يكون السفر طويلا. وهو مرحلتان ويساوي ٨٠ - ٩٠ كيلو مترا فصاعدا.
٢. أن يقصد موضعا معينا، فلا قصر على الهائم الذي لا يعرف مقصده.
٣. أن يكون السفر مباحا، فلا قصر على من سافر لأجل معصية.
٤. أن يجاوز موضع الإقامة.
٥. دوام السفر إلى تمام الصلاة. فلو صار مقيما أثناء الصلاة، أتمها أربعا.

6. Niat qasar ketika takbiratul ihram.
7. Tidak mengikut imam yang bermukim pada mana-mana bahagian solatnya.
8. Menjaga/memelihara daripada perkara yang menafikan niat qasar sepanjang solat seperti niat solat secara tamam, niat bermukim dipertengahan solatnya atau syak pada niat qasarnya.

Lafaz Niat solat Qasar

- Sahaja aku solat fardu zohor 2 rakaat qasar (imam / makmum) tunai kerana Allah Taala.
- Sahaja aku solat fardu Asar 2 rakaat qasar (imam / makmum) tunai kerana Allah Taala.
- Sahaja aku solat fardu Isyak 2 rakaat qasar (imam / makmum) tunai kerana Allah Taala.

Cara solat Qasar

Solat Qasar adalah seperti solat tamam dari sudut syarat dan rukun solatnya, kecuali di sana terdapat perbezaan antara keduanya seperti perkara berikut:

| Solat Qasar | | Solat Tamam |
|---|--------------------|--|
| Ditunaikan semasa perjalanan jauh yang harus (dibenarkan syarak) | Waktunya | Ditunaikan ketika waktu biasa dan semasa bermukim |
| Rukhsah (kelonggaran syarak) | Hukumnya | Azimat (kewajipan syarak) |
| 2 rakaat | Bilangan rakaatnya | 4 rakaat |
| Tidak mengikut orang yang solat tamam | Mengikut (imam) | Boleh mengikut orang yang solat tamam atau solat qasar |
| Sahaja aku solat fardu zohor 2 rakaat qasar tunai kerana Allah Taala | Lafaz niatnya | Sahaja aku solat fardu zohor 4 rakaat tunai kerana Allah Taala |
| Sahaja aku solat fardu Asar 2 rakaat qasar tunai kerana Allah Taala. | | Sahaja aku solat fardu Asar 4 rakaat tunai kerana Allah Taala |
| Sahaja aku solat fardu Isyak 2 rakaat qasar tunai kerana Allah Taala. | | Sahaja aku solat fardu Isyak 4 rakaat tunai kerana Allah Taala |

٦. نية القصر عند تكبيرة الإحرام.

٧. أن لا يقتدي بمقيم في جزء من الصلاة.

٨. التحرز عما ينافي نية القصر في دوام الصلاة، كنية الإتمام أو نية الإقامة أثناء الصلاة أو شك في نية القصر.

لفظ نية صلاة القصر

- أصلي فرض الظهر ركعتين قصرا (إماما / مأموما) أداء لله تعالى.
- أصلي فرض العصر ركعتين قصرا (إماما / مأموما) أداء لله تعالى.
- أصلي فرض العشاء ركعتين قصرا (إماما / مأموما) أداء لله تعالى.

كيفية صلاة القصر

صلاة القصر مثل صلاة التمام من حيث شروط الصلاة وأركانها، إلا أن هناك فروقا بينهما كالآتية:

| صلاة التمام | | صلاة القصر |
|--|-----------|---|
| تؤدي في أوقات عادية وفي الإقامة | الوقت | تؤدي في السفر الطويل المباح |
| عزيمة | الحكم | رخصة |
| أربع ركعات | عدد ركعات | ركعتان |
| يجوز أن يقتدي بمتم أو قاصر | الاقْتداء | لا يقتدي بمتم |
| أصلي فرض الظهر أربع ركعات أداء لله تعالى. | لفظ النية | أصلي فرض الظهر ركعتين قصرا أداء لله تعالى. |
| أصلي فرض العصر أربع ركعات أداء لله تعالى. | | أصلي فرض العصر ركعتين قصرا أداء لله تعالى. |
| أصلي فرض العشاء أربع ركعات أداء لله تعالى. | | أصلي فرض العشاء ركعتين قصرا أداء لله تعالى. |

Pelaksanaan amali solat jamak

Solat Qasar secara bersendirian

1. Lafaz niat: Sahaja aku solat fardu zohor 2 rakaat qasar tunai kerana Allah Taala.
2. Menyempurnakan solat dengan membaca surah al Fatihah, rukuk, sujud dan sebagainya sehingga memberi salam.

Solat Qasar secara berjemaah

1. Lafaz niat: Sahaja aku solat fardu zohor 2 rakaat qasar (imam / makmum) tunai kerana Allah Taala.
2. Mereka menyempurnakan solat dengan membaca surah al Fatihah, rukuk, sujud dan sebagainya sehingga memberi salam.

Masalah yang berkaitan

* Orang yang solat qasar mengikut imam yang solat tamam

Apabila orang yang bermusafir mengikut orang yang bermukim walaupun sebentar sahaja, tidak boleh baginya qasar solat. Bahkan dia wajib menyempurnakan solat 4 rakaat.

* Orang yang solat qasar niat bermukim semasa solat qasar dilakukan

Apabila orang yang bermusafir niat bermukim semasa solat diqasarkan, maka dia wajib menyempurnakan solat 4 rakaat. Begitu juga apabila dia syak tentang solat qasarnya.

* Musafir dengan tujuan bersiar-siar

ulamak fekah berbeza pendapat tentang musafir dengan tujuan bersiar-siar (berseronok). Ada di antara mereka yang mengatakan tidak boleh solat qasar apabila musafir itu dengan tujuan bersiar-siar sahaja. Namun sekiranya musafir dengan tujuan bersiar-siar, menenangkan jiwa, melapangkan dada, melawat saudara-mara dan rakan-rakannya, maka harus baginya solat qasar. Oleh itu, orang musafir perlu menyertakan niat yang sesuai dan dibenarkan syarak apabila ingin melakukan perjalanan.

* Nilai Mulia

1. Bersyukur atas nikmat rukhsah
2. Wajib memelihara solat lima waktu dalam semua keadaan.
3. Bermusafir dan sakit tidak akan menggugurkan (kewajipan) solat.

تطبيق عملية صلاة القصر

• صلاة القصر منفردا

١. لفظ النية: أصلي فرض الظهر ركعتين قصرا أداء الله تعالى.
٢. يتم الصلاة بالقراءة والركوع والسجود وغير ذلك حتى يسلم.

• صلاة القصر جماعة

١. لفظ النية: أصلي فرض الظهر ركعتين قصرا (إماما / مأموما) أداء الله تعالى.
٢. يتمون الصلاة بالقراءة والركوع والسجود وغير ذلك حتى يسلموا.

المسائل المتعلقة

اقتداء القاصر بالمتّم

إذا اقتدى مسافر بمقيم ولو لحظة، لا يجوز له القصر. بل عليه أن يتمّ الصلاة أربعاً.

القاصر ينوي الإقامة أثناء قصره

إذا نوي المسافر الإقامة أثناء الصلاة المقصورة، وجب عليه أن يتمها أربعاً. وهكذا إذا

شك في قصره.

السفر للنزهة

اختلف الفقهاء في السفر لأجل النزهة. فمنهم من قال بعدم جواز القصر إذا كان

السفر للنزهة فقط. وأما إن كان السفر للنزهة وإراحة القلب وانبساط الصدر وزيارة الأقارب والأصدقاء، فيجوز له القصر. ولذلك ينبغي للمسافر أن يصحبه نية صالحة ومشروعة إذا أراد أن يسافر.

* القيمة

١. الشكر على نعمة الرخصة.

٢. وجوب المحافظة على الصلوات الخمس في كل أحوال.

السفر والمرض لا يستقطان الصلاة.

SOLAT JAMAK

Definisi Solat Jamak

Dari sudut **bahasa** : Perkataan “Jamak” adalah kata terbitan bagi perkataan “jama’a” dengan erti himpun.

Dari sudut istilah **syarak** : menghimpunkan dua solat dalam satu masa ketika menunaikannya.

Boleh jamak antara solat Zohor dan Asar secara jamak taqdim dan ta’khir, Subuh bersama solat sebelumnya (solat Isya’) atau selepasnya (solat Zohor), begitu juga tidak boleh jamak antara solat Asar dan Maghrib.

Dalil disyariatkan Solat Jamak

Hadis:

Daripada Abdullah bin Abbas berkata: Rasulullah saw menghimpunkan solat Zohor dan solat Asar ketika dalam musafir (perjalanan) dan juga menghimpunkan solat Maghrib dan solat Isya’.

(hadis riwayat Bukhari)

Hukum Solat Jamak

- Jamak antara solat zohor dan solat asar dan antara solat maghrib dan solat isya’ kerana sebab-sebab yang dibenarkan oleh syara’
- Jamak ta’khir lebih utama bagi orang yang berpergian dalam waktu pertama dan sampai pada waktu kedua.
- Jika seseorang itu sampai pada waktu solat pertama dan bepergian pula pada waktu kedua, lebih utama bagi nya Jamak taqdim
- orang yang bepergian pada waktu kedua-duanya atau sampai pada waktu kedua-duanya, Jamak ta’khir itu adalah lebih baik

Bahagian Solat Jamak

- Jamak taqdim: melakukan solat asar di waktu zohor atau solat isya’ di waktu maghrib. Solat Jumaat adalah seperti solat Zohor pada solat jamak taqdim sahaja.
- Jamak ta’khir: melewati solat zohor ke waktu asar atau solat maghrib ke waktu isya’

صلاة الجمعة

تعريف صلاة الجمعة

الجمع لغة : مصدر جمع بمعنى ضم.

شرعا : ضم صلاتين إلى بعضهما في الأداء.

وإنما يجوز الجمع بين الظهر والعصر تقدما وتأخيرا، وبين المغرب والعشاء كذلك. فلا يصح أن يجمع الصبح مع ما قبله أو بعده، كما لا يجمع بين العصر والمغرب.

دليل مشروعية صلاة الجمعة

الحديث :

عن عبدالله بن عباس قال : كان رسولُ الله ﷺ يجمعُ بين صلاةِ الظهرِ والعصرِ إذا كان على ظهرِ سَيرٍ ، ويجمعُ بين المغربِ والعِشاءِ. [رواه البخاري]

حكم صلاة الجمعة

- الجمع بين الظهر والعصر وبين المغرب والعشاء لأسباب شرعية.
- وجمع التأخير أولى لمن سار في وقت الصلاة الأولى ونزل في وقت الثانية.
- وإن كان نازلا وقت الأولى وسائرا وقت الثانية، الأولى له جمع التقديم
- ومن كان سائرا في وقتيهما أو نازلا فيه فالتأخير أفضل.

أقسام صلاة الجمعة

- جمع التقديم : أن يقدم صلاة العصر إلى وقت الظهر أو صلاة العشاء إلى وقت المغرب. والجمعة كالظهر في جمع التقديم فقط.
- جمع التأخير : أن يأخر صلاة الظهر إلى وقت العصر أو صلاة المغرب إلى وقت العشاء

الأسباب المبيحة للجمع

يجوز الجمع إما بسبب السفر أو المطر أو المرض، لأن هذه الأشياء تلحقه مشقة وضيق على صاحبها. فالجمع رخصة من الله تيسيرا ورحمة للعباد.

قوله تعالى:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

* القيمة

١. الشكر على نعمة الرخصة.

٢. الجمع رخصة شرعه الله لعباده تخفيفا ورافة لهم.

٣. لا يجوز ترك الصلاة بأية حالة من الأحوال ما دام الإنسان مكلفا.

شروط عامة لصلاة الجمع

٩. أن يكون السفر طويلا يعني مرحلتان فأكثر، وهو يساوي ٨٠ - ٩٠ كيلو مترا فصاعدا.

١٠. أن يكون السفر جهة معينة، فلا يجوز الجمع لهائم ومن لا يدري أين يذهب.

١١. أن يكون السفر مباحا، أي ليس لأجل معصية.

١٢. أن يخرج من البلد بمجاورة السور أو العمران.

Sebab yang dibolehkan jamak solat

Diharuskan jamak solat sama ada kerana sebab safar (perjalanan), hujan atau sakit kerana kesulitan dan kepayahan bagi seseorang, maka jamak solat itu adalah rukhsah dari Allah untuk memudahkan hambanya.

Firman Allah swt:

“Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.

* Nilai murni

1. Bersyukur atas nikmat rukhsah (yang diberikan oleh Allah swt)
2. Solat jamak adalah rukhsah yang Allah swt syariatkan kepada hambanya untuk meringankan dan belas kasihan kepada mereka.
3. Tidak boleh meninggalkan solat dalam apa keadaan sekalipun selagi seseorang itu mukallaf (Islam, baligh dan berakal).

Syarat umum bagi solat jamak

1. Perjalanan itu adalah jauh iaitu 2 marhalah, sekarang ini jaraknya menyamai 80-90 kilometer atau lebih.
2. Perjalanan itu mempunyai tempat yang dituju. Tidak boleh jamak solat bagi orang yang kebingungan dan tidak tahu ke mana dia akan pergi.
3. Perjalanan itu adalah perjalanan yang diharuskan iaitu bukan tujuan maksiat
4. Seseorang itu keluar dari kampungnya melepasi sempadan kampung lain atau kawasan perumahan

شروط جمع التقديم

ولجمع التقديم شروط خاصة زائدة على الشروط السابقة، وهي:

١٣. البدء بالصلاة الأولى.
١٤. نية الجمع في الصلاة الأولى، ولا تجوز النية بعد السلام.
١٥. الموالاة بين الصلاتين، بأن لا يطول الفصل بينهما عرفاً.
١٦. دوام السفر إلى تكبير الإحرام بالصلاة الثانية. فلو صار مقيماً قبل الإحرام بالصلاة الثانية، فلا يجوز له الجمع. بل يصلي الصلاة الثانية في وقتها.

شروط جمع التأخير

ولجمع التأخير شرطان زائدان على الشروط العامة السابقة، وهما:

٣. نية جمع التأخير في وقت الصلاة الأولى.
٤. دوام السفر إلى تمام الصلاة الثانية. فلو أقام أثناءها أو قبلها، صارت أداءً والصلاة الأولى قضاءً بلا إثم ولا كراهة.

* معلومات تهمك

لا يشترط في جمع التأخير الموالاة ولا البدء بالصلاة الثانية. والأفضل أن يبدأ بالصلاة الأولى ثم الثانية مراعيًا للترتيب.

لفظ نية صلاة الجمع

جمع التقديم

- أصلي فرض الظهر (أربع ركعات / ركعتين قصرًا) (مجموعاً إليه العصر/ جمع تقديم) أداءً لله تعالى.
- أصلي فرض المغرب ثلاث ركعات (مجموعاً إليه العشاء/ جمع تقديم) أداءً لله تعالى.

Syarat jamak taqdim

Solat jamak taqdim mempunyai syarat khas tambahan kepada syaratsyarat terdahulu, iaitu:

- 8- Memulakan dengan solat pertama
- 9- Niat jamak pada solat pertama dan tidak boleh niat jamak selepas memberi salam
- 10- Berturutan antara dua solat tersebut iaitu perceraian di antara keduanya tidak lama mengikut uruf
- 11- Masih dalam perjalanan sehingga takbir ihram pada solat kedua. Jika seseorang itu bermukim sebelum takbiratul ihram solat kedua, maka tidak boleh solat jamak bahkan dia perlu solat kedua pada waktunya.

Syarat jamak ta'khir

Solat jamak ta'khir terdapat dua syarat tambahan di samping syarat umum terdahulu, iaitu:

1. Niat jamak ta'khir dalam waktu solat pertama
2. Berterusan perjalanan itu sehingga selesai solat kedua. Jika seseorang itu bermukim ketika solat kedua atau sebelumnya, maka jadilah solat tersebut solat tunai dan solat pertama adalah solat qada' tanpa berdosa dan tidak makruh.

* Info penting

Tidak disyaratkan pada jamak ta'khir itu berturut-turut pelaksanaannya dan tidak disyaratkan juga memulakan dengan solat kedua. Cara yang paling baik ialah memulakan dengan solat pertama kemudian solat kedua kerana menjaga turutannya

Lafaz Niat solat jamak taqdim

Solat jamak taqdim:

- Sahaja aku solat fardu zohor (4 rakaat / 2 rakaat qasar) (dihimpunkan bersama solat Asar/jamak taqdim) tunai kerana Allah swt.
- Sahaja aku solat fardu maghrib 3 rakaat (dihimpunkan bersama solat Isya'/jamak taqdim) tunai kerana Allah taala

جمع التأخير

- أصلي فرض الظهر (أربع ركعات / ركعتين قصرا) (مجموعا إلي العصر/جمع تأخير) أداء لله تعالى.
- أصلي فرض المغرب ثلاث ركعات (مجموعا إلي العشاء/جمع تأخير) أداء لله تعالى.

** فرق لفظ النية:

جمع تقديم : مجموعا إليه
جمع تأخير : مجموعا إلي

كيفية صلاة الجمع

- الجمع مع الإتمام :

١. النية :

أصلي فرض الظهر أربع ركعات (جمع تقديم/جمع تأخير) أداء لله تعالى.

أصلي فرض المغرب ثلاث ركعات (جمع تقديم/جمع تأخير) أداء لله تعالى.

٢. يصلي الصلاة الأولى

٣. بعد السلام يقوم إلى الصلاة الثانية

٤. النية :

أصلي فرض العصر أربع ركعات أداء لله تعالى.

أصلي فرض العشاء أربع ركعات أداء لله تعالى.

٥. يتم الصلاة الثانية

Solat jamak ta'khir:

- Sahaja aku solat fardu zohor (4 rakaat / 2 rakaat qasar) (dihimpunkan dengan solat Asar/jamak ta'khir) tunai kerana Allah swt.
- Sahaja aku solat fardu maghrib 3 rakaat (dihimpunkan dengan solat Isya'/jamak ta'khir) tunai kerana Allah taala

** Perbezaan lafaz niat:

Jamak taqdim: مجموعا إليه (dihimpunkan bersama)

Jamak taqdim: مجموعا إلي (dihimpunkan kepada ...)

Cara pelaksanaan solat jamak

Jamak serta solat sempurna (tamam):

1. niat :
Sahaja aku solat fardu zohor 4 rakaat (jamak taqdim/jamak ta'khir) tunai kerana Allah swt.

Sahaja aku solat fardu maghrib 3 rakaat (jamak taqdim/jamak ta'khir) tunai kerana Allah taala
2. melakukan solat pertama
3. selepas memberi salam, kemudian bangun solat kedua
4. niat :
Sahaja aku solat fardu Asar 4 rakaat tunai kerana Allah swt.

Sahaja aku solat fardu Isya' 4 rakaat tunai kerana Allah taala
5. sempurnakan solat kedua.

Jamak serta solat ringkas (qasar):

1. niat :
Sahaja aku solat fardu zohor 2 rakaat qasar (dihimpunkan bersama solat Asar/ dihimpunkan dengan solat Asar) tunai kerana Allah swt.

Sahaja aku solat fardu maghrib 3 rakaat (dihimpunkan bersama solat Isya'/ dihimpunkan dengan solat Isya') tunai kerana Allah taala
2. melakukan solat pertama
3. selepas memberi salam, kemudian bangun solat kedua
4. niat :
Sahaja aku solat fardu Asar 2 rakaat qasar tunai kerana Allah swt.

Sahaja aku solat fardu Isya' 2 rakaat qasar tunai kerana Allah taala
5. sempurnakan solat kedua.

Dibolehkan juga solat jamak bersama solat tamam salah satu daripadanya dan solat qasar yang lain.

Masalah yang berkaitan

- 1) Solat Jamak kerana hujan
Solat Jamak kerana hujan diharuskan mengikut mazhab syafie dengan beberapa syarat:
 1. Jamak antara dua solat secara Jamak taqdim sahaja. Tidak boleh jamak ta'khir dengan sebab hujan.
 2. Tempat solat berjemaah (masjid) adalah jauh. Ini adalah pada hak makmum, manakal imam harus baginya solat jamak sekalipun rumahnya bersebelahan masjid.
 3. Kesukaran/kesulitan dengan sebab hujan dalam perjalanan. Apabila ada alat yang melindungi daripada hujan maka tidak boleh solat jamak.
 4. Berterusan hujan ketika takbir ihram solat pertama, ketika berakhirnya solat tersebut dan berterusan hujan sehingga takbir ihram solat kedua. Tidak disyaratkan turun hujan pada selain daripada waktu-waktu tersebut.

- الجمع مع القصر :

. ١ . النية :

أصلي فرض الظهر ركعتين قصرا (مجموعا إليه العصر / مجموعا إلى العصر) أداء لله تعالى.

أصلي فرض المغرب ثلاث ركعات (مجموعا إليه العشاء / مجموعا إلى العصر) أداء لله تعالى.

. ٢ . يصلي الصلاة الأولى

. ٣ . بعد السلام يقوم إلى الصلاة الثانية

. ٤ . النية :

أصلي فرض العصر ركعتين قصرا أداء لله تعالى.

أصلي فرض العشاء ركعتين قصرا أداء لله تعالى.

. ٥ . يتم الصلاة الثانية

يجوز أيضا الجمع مع إتمام إحدى الصلاتين وقصر الأخرى.

المسائل المتعلقة**. ١ . الجمع مع استمرار المطر**

ويجوز الجمع بالمطر عند الشافعية بشروط :

. ١ . أن تجمع بين الصلاتين تقديمًا فقط، فلا يجوز التأخير بسبب المطر.

. ٢ . أن تصلى جماعة في مكان بعيد. وهذا في حق المأموم، وأما الإمام فيجوز له الجمع وإن كان بيته بجانب المسجد.

. ٣ . أن يتأذى بالمطر في طريقه. وأما إذا وجد كناء فلا يجوز الجمع.

. ٤ . وجود المطر عند تكبيرة الإحرام للصلاة الأولى، وعند انتهاء منها، ودوامه إلى التكبيرة الإحرام بالصلاة الثانية. ولا يشترط وجود المطر في غير هذه الأوقات.

2) Solat jamak kerana banjir

Banjir adalah bencana alam yang dijadikan Allah swt dan ianya berlaku akibat hujan lebat dalam kadar yang banyak bagi tempoh masa yang panjang di kawasan tertentu atau salji yang cair dengan cepat dalam kadar yang banyak atau sungai (melimpah). Tidak syak lagi berlakunya banjir pada sesuatu tempat mendatangkan kesukaran/kesulitan kepada penduduk setempat. Syariat Islam yang mulia ini mengharuskan solat jamak dalam situasi seumpama ini, apabila seseorang itu perlu kepada perkara tersebut disebabkan banjir kerana lanya lebih sukar kesulitannya berbanding hujan.

3) Solat jamak kerana perkara-perkara kecemasan (seperti menyelamatkan orang lemas dan operasi pembedahan)

Kaedah fekah menyatakan:

“Kesukaran yang menjadi sebab kepada kemudahan / keringanan”

Peristiwa yang berlaku ke atas seseorang apabila dia menghadapi kesukaran dan kesulitan yang menyukar untuk menunaikan solat pada waktunya, kecuali dengan cara yang terlalu sukar atau hilang perkara yang disyariatkan yang membolehkannya solat jamak. Ini termasuklah menyelamatkan orang lemas, kebakaran dan operasi pembedahan. Dalam kes-kes sedemikian, doktor, kakitangan ambulans dan ahli bomba diharuskan solat jamak apabila keadaan memerlukan mereka berbuat sedemikian dan mereka ini tidak boleh meninggalkan meninggalkan kerja /tanggungjawab mereka

4) Solat jamak bagi orang yang menghadapi kesesakan jalan raya

Kesesakan lalu lintas sering berlaku di bandar-bandar dan kawasan padat penduduknya. Pemanduan boleh disusun oleh seseorang mengikut masa yang sesuai dan masa yang tidak ada kesesakan. Jalan raya biasa akan melalui stesen minyak atau hentian rehat. Jika seseorang itu boleh solat di jalanan, maka hendaklah dia tunaikan setiap solat pada waktunya.

الفيضان كارثة طبيعية خلقها الله وتحدث نتيجة هطول كميات كبيرة من الأمطار لفترة طويلة من الزمن في منطقة محددة، أو ذوبان سريع لكميات كبيرة من الثلوج أو الأنهار. ولا شك حصول الفيضان في مكان ما يلحقه مشقة شديدة لأهل ذلك المكان. فالشريعة الحنيفة أجاز الجمع مثل هذه الحالة إذا اضطر الإنسان ذلك بسبب الفيضان، وهو أشد مشقة من المطر.

٣. الجمع من الأمور الطارئة (مثل إنقاذ الغريق والعمليات الجراحية)

القاعدة الفقهية تقول: المشقة تجلب التيسير. فالحوادث التي تنزل على شخص إذا يلحقه ضرر وخرج بحيث يعسر عليه الصلاة في وقتها إلا مع مشقة شديدة أو فوات أمر مقصود شرعا تبيح له الجمع. ويدخل فيها إنقاذ الغريق والحريق وعند العمليات الجراحية. وفي هذه الحالات يجوز الجمع للأطباء ورجال الإسعاف والإطفاء إذا اضطر الأمر إلى ذلك، ولا يمكنهم التخلف عن عملهم.

٤. الجمع لمن وقع في ازدحام المرور

ازدحام المرور يحدث غالبا في المدن والأمصار الكثيف عدد سكانها. والسياسة يمكن أن يرتبها الشخص حسب وقت لائق وغير مزدحم. والطرق غالبا تمر بمحطة البنزين أو محطة الاستراحة. وإذا أمكن الفرد أن يصلها في الطريق، فعلي أن يصلي كل صلاة في وقتها.

Pelaksanaan amali solat jamak**Jamak taqdim**

1. Disunatkan azan dan iqamah sebelum solat pertama
2. Lafaz niat:
Sahaja aku solat fardu zohor 2 rakaat qasar jamak taqdim (imam/makmum) tunai kerana Allah Taala.
3. Menyempurnakan solat pertama sehingga memberi salam.
4. Segera melakukan solat kedua, disunatkan iqamah sahaja sebelum menunaikannya.
5. Lafaz niat:
Sahaja aku solat fardu asar 2 rakaat qasar jamak taqdim (imam/makmum) tunai kerana Allah swt.
6. Menyempurnakan solat kedua sehingga memberi salam.

Jamak ta'khir:

1. Disunatkan azan dan iqamah sebelum solat pertama
2. Lafaz niat:
Sahaja aku solat fardu maghrib 3 rakaat jamak ta'khir (imam/makmum) tunai kerana Allah Taala
3. Menyempurnakan solat pertama sehingga memberi salam
4. Segera melakukan solat kedua, disunatkan iqamah sahaja sebelum menunaikannya.
5. Lafaz niat:
Sahaja aku solat fardu maghrib 2 rakaat qasar jamak ta'khir (imam/makmum) tunai kerana Allah Taala
6. Menyempurnakan solat kedua sehingga memberi salam.

جمع التقديم

١. تسن الأذان والإقامة قبل الصلاة الأولى
٢. لفظ النية : أصلي فرض الظهر ركعتين قصرا جمع تقديم (إماما / مأموما) أداء لله تعالى.
٣. يتمون الصلاة الأولى حتى السلام.
٤. يبادرون بالصلاة الثانية، وتسن الإقامة فقط قبلها.
٥. لفظ النية : أصلي فرض العصر ركعتين قصرا جمع تقديم (إماما / مأموما) أداء لله تعالى.
٦. يتم الصلاة الثانية حتى السلام.

جمع التأخير

١. تسن الأذان والإقامة قبل الصلاة الأولى
٢. لفظ النية : أصلي فرض المغرب ثلاث ركعات جمع تأخير (إماما / مأموما) أداء لله تعالى.
٣. يتمون الصلاة الأولى حتى السلام.
٤. يقومون إلى الصلاة الثانية، وتسن الإقامة فقط قبلها.
٥. لفظ النية : أصلي فرض العشاء ركعتين قصرا جمع تأخير (إماما / مأموما) أداء لله تعالى.
٦. يتمون الصلاة الثانية حتى السلام.

PENGURUSAN (PENGEBUMIAN) JENAZAH

Definisi Pengurusan Jenazah

Dari sudut **bahasa**: Menyediakan apa yang diperlukan.

Dari sudut **istilah** Syarak: memandikan orang mati, mengafankannya, menyembahyangkannya dan menguburkannya.

(الجِنَازَة) istilah untuk “orang mati di atas keranda”.

(الجِنَازَة) istilah untuk “keranda yang diletakkan orang mati”

Dalil pensyariatian Pengurusan Jenazah

Hadis :

Dari Ummu Atiya al Ansariyah r.a berkata: Rasulullah saw masuk bertemu kami ketika anak perempuannya meninggal dunia. Baginda saw bersabda: mandikannya tiga kali basuhan, lima kali atau lebih daripada itu jika kamu rasakan ianya perlu. Basuhan itu dengan air dan bidara. Jadikan akhir basuhan itu dengan kapur barus atau campuran sedikit daripada kapur barus”.

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Dari Abu Hurairah ra berkata: *Sesungguhnya Rasulullah SAW memberitahu akan berita kematian al-Najasyi ketika hari kematiannya. Baginda SAW keluar ke musolla, membuat saf dan bertakbir sebanyak empat kali*

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Daripada Saad bin Abu Waqas r.a berkata: Buatlah bagiku lahad dan susunkan batu-batu di atas kuburanku sebagaimana yang diperbuat pada kuburan Rasulullah (hadis riwayat Muslim)

تجهيز الجنازة

تعريف تجهيز الجنازة

تجهيز الجنازة لغة : تهيئة ما يحتاج إليه.

شرعا : هو غسل الميت وتكفينه والصلاة عليه ودفنه.

و الجِنَازَة : اسم للميت في العيش.

و الجِنَازَة : اسم للنعش وعليه الميت

دليل مشروعية تجهيز الجنازة

الحدیث

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ حِينَ تُوِّفِيَتْ ابْنَتُهُ، فَقَالَ: اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا، أَوْ خَمْسًا، أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتُمْ ذَلِكَ، بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْأَخِرَةِ كَافُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُورٍ

(متفق عليه)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : نَعَى النَّبِيُّ ﷺ النَّجَاشِيَّ فِي الْيَوْمِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ ، حَرَجَ بِهِمْ إِلَى الْمُصَلَّى ، فَصَفَّ بِهِمْ ، وَكَبَّرَ أَرْبَعًا

(متفق عليه)

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: الْحُدُودُ لِي لِحَدِّهَا ، وَأَنْصَبُوا عَلَيَّ اللَّبْنَ نَضْبًا ، كَمَا صُنِعَ بِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ .

(رواه مسلم)

Hukum mengurus pengebumian jenazah

Mengurus orang mati bermula dari memandikan, mengkafan, solat jenazah dan mengembuskannya adalah fardu kifayah ke atas orang mukallaf yang mengetahui kematian seseorang. Ini bermakna bahawa umat Islam yang mengetahui kematian seorang muslim itu hendaklah menguruskan jenazah tersebut sebagai fardu kifayah, yang mana jika tidak ada seorang pundi kalangan mereka yang melaksanakannya maka semua orang berdosa, dan apabila salah seorang daripada mereka melakukannya maka gugurlah dosa daripada semua orang.

Hak-hak jenazah

Bagi jenazah, ada hak-hak dan adab-adab yang perlu dijaga sebelum dan selepas mati.

Sebelum mati:

1. Mengiringkan badan orang yang hampir mati ke sebelah kanan menghadap kiblat. Jika tidak boleh, maka hadapkanlah leher, muka dan hujung kakinya ke arah kiblat.
2. Mentalkinkan (mengajarkan) jenazah/orang yang hampir mati mengucapkan kalimah syahadah dengan lembut, dan tidak menekannya.
3. Membaca di sisinya surah Yasin.
4. Orang yang hampir mati hendaklah memperbaiki sangkaanya dengan Allah dan segera bertaubat.

Selepas mati:

1. Menutup dua mata orang mati.
2. Meletakkan jenazah atas hamparan menghadap kiblat seperti orang yang hampir mati.
3. Melembutkan sendi-sendinya.
4. Meletakkan sesuatu yang berat atas perutnya seperti gunting.
5. Mengikat janggutnya dengan tali yg diikat ke atas kepala.
6. Menanggalkan pakaian matinya, dan menutupnya dengan kain yang nipis.
7. Bersegera melangsaikan tanggungannya/hutangnya, melaksanakan wasiatnya, menyebarkan berita kematiannya dan menguruskan jenazahnya.

حكم تجهيز الجنازة

تجهيز الميت من غسله وتكفينه والصلاة عليه ودفنه فرض كفاية على من علم بموته من المكلفين. ومعناه أن على المسلمين الذي علموا بموت مسلم أن يقوموا بتجهيزه وجوبا كفاييا، بحيث إذا لم يقم به أحد منهم أثم الجميع، وإذا فعل شخص منهم سقط الإثم عن الجميع.

حقوق الجنازة

للميت حقوق وآداب ينبغي أن تراعى قبل الموت وبعده.

قبل الموت

- 1- أن يضجع المحتضر على جنبه الأيمن إلى القبلة. فإن تعذر، ألقى على قفاه ووجهه وأخصاه للقبلة.
- 2- أن يلقن الجنازة الشهادة برفق، ولا يلح عليه.
- 3- أن تقرأ عنده سورة يس
- 4- أن يحسن المحتضر ظنه بالله ويبادر بالتوبة.

بعد الموت

1. تغميض عيني الميت
2. وضعه على فراش نحو القبلة كالمحتضر.
3. تليين مفاصله
4. وضع شيء ثقيل على بطنه كمقصد
5. شد لحية بعصابة يربطها فوق رأسه
6. نزع ثياب موته، وستره بثوب خفيف
7. المبادرة ببراءة ذمته وإنفاذ وصيته والإعلام بموته وتجهيزه.

Cara pengurusan jenazah

Mandi

Kadar minimum memandikan jenazah adalah menanggalkan sesuatu daripada najis pada tubuhnya, kemudian meratakan seluruh badannya dengan air.

1. Mandikan mayat dalam keadaan terlindung dan di bawah bumbung.
2. Letakkan mayat di atas papan, kepalanya lebih tinggi daripada kakinya, dan menutup auratnya dengan pakaian.
3. Orang yang memandikan mayat hendaklah memakai kain balut tangan / sarung tangan sebelah kiri.
4. Menyandarkan kepala mayat dengan tangan kanan, dan menjirus air dengan tangan kiri ke atas perut dengan menekannya untuk mengeluarkan benda yang ada dalam perut.
5. Membasuh kedua qubul dan duburnya, kemudian membersihkan mulut dan lubang hidung, kemudian mewudhukannya seperti mewudhukkan orang yang masih hidup.
6. Membasuh kepala dan muka dengan sabun atau sebagainya drpd alat2 pembersih, dan membebaskan rambutnya sekiranya ada rambut, jika tercabut, kembalikan ke tempat asalnya untuk dikebumikan bersama.
7. Membasuh keseluruhan sebelah kanan mukanya dan sebelah kiri mukanya pula, kemudian basuh sebelah kanan tengkuknya dan sebelah kiri tengkuknya pula, dan kemudian ratakan ke seluruh badan dengan air. Maka ini adalah basuhan / mandian yang pertama.
8. Disunatkan mengulang mandi dua kali, dan campurkan air dengan kapur pada basuhan yang terakhir, jika mayat bukan dalam ihram.

** Info penting

Orang lelaki wajib memandikan mayat lelaki dan orang perempuan memandikan mayat perempuan, kecuali suami ianya boleh/harus memandikan isterinya dan isteri itu harus memandikan suaminya. Sekiranya tidak ada melainkan hanya ada orang asing lelaki atau orang perempuan, maka gugurlah kewajipan memandikan jenazah dan menggantikannya dengan tayammum.

كيفية تجهيز الجنازة

الغسل

- أقل الغسل أن يزال ما على جسمه من النجاسة، ثم يعمم سائر بدنه بالماء.
١. يكون الغسل في خلوة وتحت سقف.
 ٢. وضع الميت على لوح، ورأسه أعلى من رجليه، وتستتر عورته بثوب.
 ٣. يجعل الغاسل على يده اليسرى خرقة.
 ٤. يسند رأسه بيده اليمنى، يمر بيده اليسرى على بطنه بتحامل ليخرج ما قد يكون فيه.
 ٥. يغسل سواتيه، ثم يتعهد فمه ومنخريه فينظفها، ثم يوضؤه كما يوضأ الحي.
 ٦. يغسل رأسه ووجهه بصابون ونحوه من المنظفات، ويسرح شعره إن كان له شعر، فإن نتف منه شيء أعاده إليه ليدفنه معه.
 ٧. يغسل كامل جانبه الأيمن مما يلي وجهه، ثم جانبه الأيسر مما يلي وجهه أيضاً، ثم يغسل جانبها الأيمن مما يلي القفا ثم جانبه الأيسر مما يلي القفا أيضاً، وبذلك يعمم جسمه كله بالماء، فهذه غسلة الأولى.
 ٨. يسن أن يكرر مثل هذه الغسلة مرتين آخرين، وليمزج بالماء شيئاً من الكافور في الغسلة الأخيرة، إذا كان الميت غير مُحْرِم.

** معلومات تهمك

يجب أن يغسل الرجل الرجل والمرأة المرأة، إلا أن للرجل أن يغسل زوجته، وللمرأة أن تغسل زوجها. وإن لم يحضر إلا أجنبي أو أجنبية سقط الغسل، واستعيض عنه بالتيمم.

Kafan

Kadar minimum kafan adalah membalut mayat dengan pakaian yang menutup seluruh badan dan kepalanya jika bukan dalam ihram. Perkara yang wajib adalah pakaian itu menutup aurat mengikut pendapat yang paling sah.

Kafan yang lebih sempurna adalah:

1. (Menggunakan) kain-kain putih.
2. Bagi lelaki 3 helai kain putih, perempuan 5 helai: kain sarung, baju, tudung (kepala) dan 2 helai kain putih.
3. Merenjisikan ke atas setiap lapisan wangian/pengawet dan kapur.
4. Meletakkan mayat di atas lapisan-lapisan kain secara terlentang, dan menekan papan punggungnya.
5. Meletakkan pada setiap rongga di badannya dan anggota sujud kapas yang direnjiskan wangian atau kapur.
6. Balutkan mayat dengan lapisan kain putih tersebut dan ketatkan ikatan padanya.

** info Penting

- Tidak gugur kewajipan solat jenazah yang dilakukan oleh wanita sedangkan orang lelaki ada ketika itu mengikut pendapat yang paling sah
- Dilakukan Solat ghaib ke atas mayat yang tidak ada di tempat didirikan solat jenazah tersebut kerana mengikut perbuatan Nabi saw kepada raja Najasyi apabila baginda mendengar berita kematiannya di Madinah sedangkan raja Najasyi berada di Habsyah.
- Harus dengan satu solat sahaj untuk ramai jenayah .
lafaz niatnya: Sahaja aku solat ke atas mayat-mayat ini empat takbir fardhu kifayah kerana Allah Taala.
- Disyaratkan bagi sahnya solat jenazah adalah didahulukan dengan mandi jenazah atau tayammum dan makruh solat jenazah sebelum dikafankan.

الكفن

أقل التكفين أن يلف الميت بثوب يستر جميع بدنه ورأسه إن كان غير محرم. والواجب ثوب يستر العورة على الأصح.

وأكملة:

١. الأثواب البيض
٢. للرجل ثلاث لفائف بيض، للمرأة خمس : إزار وقميص وخمار ولفافتان.
٣. يذر على كل لفافة حنوط وكافور.
٤. يوضع الميت فوق اللفائف مستلقيا، وتشد أليته
٥. يجعل على منافذ جسمه وأعضاء سجوده قطن عليه حنوط وكافور
٦. يلف عليه اللفائف وتشد خرق عليها

** معلومات تهمك

- لا يسقط فرض صلاة الجنازة بالنساء مع وجود رجل في الأصح
- يصلى على الغائب عن البلد لفعل النبي ﷺ بالنجاشي لما سمع خبر موته بالمدينة وهو بالحبشة
- تجوز صلاة واحدة على الجنائز، ولفظ نيتها: أصلي على هذه الأموات أربع تكبيرات
فرض كفاية لله تعالى
- يشترط لصحة الصلاة تقدم الغسل أو التيمم، وتكره الصلاة على الميت قبل تكفينه.

Solat

Selepas memandikan dan mengkafankan mayat, lakukan solat ke atas jenazah. Masuk waktu solat jenazah ialah selepas memandikan mayat atau perkara yang mengantikannya seperti tayammum.

Cara solat jenazah:

1. Niat berserta takbiratul ihram

Lafaz niat solat jenayah:

- Jenazah lelaki:
Sahaja aku solat ke atas mayat ini empat takbir fardhu kifayah (imam/ma'mum) kerana Allah Taala.
- Jenazah perempuan:
Sahaja aku solat ke atas mayat perempuan ini empat takbir fardhu kifayah (imam/ma'mum) kerana Allah Taala.
- Banyak jenazah:
sahaja aku solat ke atas semua jenazah ini ini empat takbir fardhu kifayah (imam/ma'mum) kerana Allah Taala.

2. Baca surah Al-Fatihah.

3. Takbir kedua sambil mengangkat kedua tangan ke cuping dua telinga.

4. Selawat ke atas Nabi s.a.w. Selawat yang paling ringkas: اللهم صل على محمد, dan selawat paling sempurna ialah selawat Ibrahimiyah.

5. Takbir ketiga sambil mengangkat kedua tangan.

6. Doa untuk jenazah:

• Jenazah lelaki:

'Ya Allah ampunilah dia, kasihanilah dia, sejahterakanlah dia dan ampunilah dosa dan kesalahannya, hormatilah kedatangannya dan luaskanlah tempat tinggalnya, bersihkanlah dia dengan air salji dan embun. Bersihkanlah dia dari segala dosa sebagaimana kain putih yang bersih daripada segala kotoran, dan gantikanlah baginya rumah yang lebih baik daripada rumah yang dahulu, dan gantikanlah baginya ahli keluarga yang lebih baik daripada ahli keluarganya yang dahulu, daan peliharalah (hindarkanlah) dia daripada seksa kubur, dan azab api neraka.'

الصلاة

بعد الغسل والتكفين تقام الصلاة على الميت، ويدخل وقت الصلاة بعد غسل الميت أو يقام مقامه كالتيتم.

كيفية صلاة الجنازة

١. النية مع تكبيرة الإحرام

لفظ نية صلاة الجنازة

الميت :

أصلي على هذا الميت أربع تكبيرات فرض الكفاية (إماما/مأموما) لله تعالى

الميتة :

أصلي على هذه الميتة أربع تكبيرات فرض الكفاية (إماما/مأموما) لله تعالى

الأموات :

أصلي على هؤلاء الأموات أربع تكبيرات فرض الكفاية (إماما/مأموما) لله تعالى

٢. قراءة الفاتحة

٣. التكبيرة الثانية مع رفع اليدين إلى شحمة أذنيه.

٤. الصلاة على النبي ﷺ، ألقها: اللهم صل على محمد، وأكملها الصلاة الإبراهيمية.

٥. التكبيرة الثالثة مع رفع اليدين

٦. الدعاء للميت، وأقله أن يقول: اللهم ارحمه أو اللهم اغفر له. ومن الدعاء المأثور :

للميت :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ، وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ

وَالْبَرْدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثُّوبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدَلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ،

وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ القَبْرِ وَمِنْ

عَذَابِ النَّارِ

- **Jenazah perempuan:**

'Ya Allah ampunilah dia, kasihanilah dia, sejahterakanlah dia dan ampunilah dosa dan kesalahannya, hormatilah kedatangannya dan luaskanlah tempat tinggalnya, bersihkanlah dia dengan air salji dan embun. Bersihkanlah dia dari segala dosa sebagaimana kain putih yang bersih daripada segala kotoran, dan gantikanlah baginya rumah yang lebih baik daripada rumah yang dahulu, dan gantikanlah baginya ahli keluarga yang lebih baik daripada ahli keluarganya yang dahulu, daan peliharalah (hindarkanlah) dia daripada seksa kubur, dan azab api neraka.'

- **Jenazah yang ramai:**

'Ya Allah ampunilah mereka, kasihanilah mereka, sejahterakanlah mereka dan ampunilah dosa dan kesalahan mereka, hormatilah kedatangan mereka dan luaskanlah tempat tinggal mereka, bersihkanlah mereka dengan air salji dan embun. Bersihkanlah mereka dari segala dosa sebagaimana kain putih yang bersih daripada segala kotoran, dan gantikanlah bagi mereka rumah yang lebih baik daripada rumah yang dahulu, dan gantikanlah bagi mereka ahli keluarga yang lebih baik daripada ahli keluarga mereka yang dahulu, daan peliharalah (hindarkanlah) mereka daripada seksa kubur, dan azab api neraka.'

7. Jika jenazah kanak-kanak, bacalah doa :

'Ya Allah, jadikanlah dia sebagai simpanan pendahuluan bagi ayah ibunya dan sebagai taruhan (amanah), kebajikan yang didahulukan, dan menjadi pengajaran serta syafaat bagi orang tuanya. Dan beratkanlah timbangan kedua ibu bapanya, serta berikanlah kesabaran dalam hati kedua ibu bapanya.'

8. Takbir ke-4 dengan mengangkat kedua tangan. Disunatkan membaca doa:

'Ya Allah janganlah Engkau halang kami daripada mendapat pahala kebajikannya dan janganlah engkau timbulkan fitnah di kalangan kami selepas peninggalannya, dan ampunilah kami dan dia.'

9. Memberi salam, dengan dua salam ke kanan dan ke kiri.

للميتة :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَعَافِ عَنْهَا، وَأَكْرِمْ نُزُلَهَا، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهَا، وَاغْسِلْهَا
بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرْدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهَا
دَارًا حَيْرًا مِنْ دَارِهَا، وَأَهْلًا حَيْرًا مِنْ أَهْلِهَا، وَزَوْجًا حَيْرًا مِنْ زَوْجِهَا، وَأَدْخِلْهَا الْجَنَّةَ،
وَأَعِدْهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

للأموات :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ وَعَافِهِمْ وَعَافِ عَنْهُمْ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُمْ، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُمْ، وَاغْسِلْهُمْ
بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرْدِ، وَنَقِّهِمْ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ،
وَأَبْدِلْهُمْ دَارًا حَيْرًا مِنْ دَارِهِمْ، وَأَهْلًا حَيْرًا مِنْ أَهْلِهِمْ، وَزَوْجًا حَيْرًا مِنْ زَوْجِهِمْ،
وَأَدْخِلْهُمْ الْجَنَّةَ، وَأَعِدْهُمْ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

٧. وإن كان الميت طفلاً قال :

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرْطًا لِأَبْوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا، وَثِقْلًا بِهِ مَوَازِينَهُمَا،
وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا

٨. التكبيرة الرابعة مع رفع اليدين. يسن أن يزداد الدعاء بعدها، ومنه:

اللهم لا تحرمنا أجره ولا تفتننا بعده واغفر لنا وله

٩. السلام، بأن يسلم تسليمتين عن يمينه وعن يساره

Pengebumian jenazah

Hukum menguburkan jenazah:

Menguburkan jenazah adalah fardhu kifayah sebagai memuliakan jenazah dan kasih sayang kepadanya, kerana Allah berfirman: “Kemudian Dia mematakannya lalu menguburkannya”. (surah Abasa : 21)

Kubur yang paling ringkas: lubang yang menutup bau mayat dan menjaganya daripada binatang buas. Tidak memadai dengan bentuk binaa sedangkan mampu menggali lubang..

Tidak boleh menguburkan dua mayat dalam satu kubur kecuali darurat seperti ramai orang meninggal dunia dan sukar mengasingkan setiap mayat dalam kubur masing-masing, maka orang paling mulia diletakkan di bahagian dinding kubur dan menghadap kiblat.

Cara menguburkan jenazah:

1. Kubur yang berbentuk *lahad*: digali lubang yang boleh memuatkan mayat di bahagian bawah tepi/dinding kubur dengan menghadap kiblat, ianya lebih baik untuk tanah keras.
2. Kubur yang berbentuk *Syaq*: digali lubang pada bahagian tengah kubur seperti sungai (saliran air), ianya lebih baik untuk tanah lembut.

Cara yang paling baik:

1. Meluaskan kubur dan mendalamkannya dengan kadar seorang lelaki yang sederhana tinggi, berdiri dan mengangkat tangannya ke atas. (4 hasta setengah)
2. Mengangkat mayat bermula dengan kepala, dan memasukkan mayat ke dalam kubur dengan kakinya dahulu.
3. Meletakkan mayat dengan lemah lembut mengiring sebelah kanan (sunnat), dan menghadap kiblat pada dadanya (wajib), beserta doa: “Dengan nama Allah dan atas junjungan Rasulullah s.a.w”.
4. Membuka ikatan pengikat kain kafan, dedahkan pipi kanannya dan letakkan di atas tanah.
5. Makruh menguburkan mayat dalam keranda kecuali di tanah yang basah atau lembut.
6. Sunat meratakan kubur.

الدفن

حكم الدفن

الدفن فرض كفاية إكراما للميت ورحمة له، لقوله تعالى: ﴿ ثُمَّ آماتَهُ فَأَقْبَرَهُ ﴾

(سورة عبس : ٢١)

أقل الدفن : حفرة تكتم رائحة الميت وتحرسه من السباع، ولا يكفي البناء مع إمكان الحفر. ولا يدفن اثنان في قبر إلا لضرورة ككثره الموتى وعسر أفراد كل ميت بقبر، فيقدم الأفضل إلى جدار القبر المتجه للقبلة.

كيفية الدفن :

اللحد : أن يحفر ما يسع الميت من أسفل جانب القبر من جهة القبلة، وهو أفضل في الأرض الصلبة.

الشق : أن يحفر في وسط القبر كالنهر، وهو أفضل في الأرض الرخوة.

أفضله

١. يوسع القبر ويعمق قدر قامة وبسطة من رجل معتدل، بأن يقوم باسطة يديه إلى

الأعلى (أربعة أذرع ونصف)

٢. يحمل الميت من قبل رأسه، ويدلى إلى القبر رجلاه أولا.

٣. يوضع برفق على جنبه الأيمن ندبا، ومستقبلا القبلة بصدرة وجوبا، مع الدعاء: بسم

الله وعلى سنة رسول الله ﷺ.

٤. تحل عصابة الكفن، ويكشف خده الأيمن ويوضع على التراب.

٥. يكره دفن الميت في تابوت إلا في أرض ندية أو رخوة.

٦. يسن تسطيح القبر

Permasalahan yang berkaitan

1. Hukum orang hilang

Al mafqud ialah orang hilang yang tidak diketahui sama ada masih hidup atau telah mati. Seseorang yang hilang dari keluarganya dan negerinya serta terputus berita tentangnya dan tidak diketahui keadaannya dalam tempoh yang lama, hukumnya perlu dirujuk kepada hakim. Sekiranya diputuskan bahawa dia telah mati, perkara ini akan berkait dengan banyak isu seperti fasakh, perwarisan harta, wasiat dan hak wali. Maka perkara ini tidak diselesaikan kecuali dengan keputusan hakim. Apabila hakim menetapkan kematian orang hilang itu dan ianya jelas dengan bukti-bukti dan tanda-tanda, maka hukum solat jenazah ke atasnya ada dua pendapat dalam mazhab Syafie:

Pendapat pertama : Tidak harus solat ke atas orang yang tiada / hilang, kerana syarat solat ke atas jenazah adalah didahului dengan memandikannya dahulu.

Pendapat kedua : Harus solat ke atas orang yang hilang itu walaupun tidak boleh memandikannya. Pendapat ini diambil oleh fatwa di Malaysia.

2. Hukum anggota badan yang terpotong

Situasi pertama: Ditemui anggota mayat yang terpotong bersama badannya

Anggota yang terpotong dari mayat itu wajib memandikannya, solat jenazah ke atasnya, kafan bersama badannya dan dikebumikan.

Situasi kedua: Ditemui anggota yang terpotong sahaja

Jika ditemui anggota seorang muslim yang diketahui kematiannya tetapi tidak dijumpai badannya kecuali anggota itu sahaja, hendaklah diuruskan seperti pengurusan jenazah yang biasa, iaitu mandi, solat jenazah, dibalut / kafan dengan cebisan kain dan dikebumikan.

Situasi ketiga: Anggota yang terpotong daripada orang yang masih hidup

Tidak dimandikan dan tidak solat jenazah ke atasnya, hanya dibalut dengan cebisan kain dan ditanam.

المسائل المتعلقة

(١) حكم المفقود

المفقود هو الغائب الذي لا يُدرى حيّاه ولا موته. فالذي غاب عن أهله وبلده وانقطع خبر وجهل حاله لمدة طويلة يرجع حكمه إلى القضاء، فإن الحكم عليه بموته يتعلق بمسائل كثيرة كالفسخ والإرث والوصية والولاية، فلا يحسم الأمر إلا القضاء، وإذا حكم القاضي بموت المفقود واتضح له ذلك بقرائن أو أمارات، ففي الصلاة عليه قولان عند الشافعية:

القول الأول : لا يصلى على المفقود، لأن من شرط الصلاة عليه تقدم الغسل.

القول الثاني : يصلى عليه وإن تعذر غسله. وهذا الرأي الذي عليه الفتوى في ماليزيا.

(٢) حكم الأعضاء المقطوعة

الحالة الأولى : عثر عضو الميت المقطوع مع جسده.

العضو المقطوع عن الميت يجب غسله والصلاة عليه ويكفن مع جسده ويدفن.

الحالة الثانية : : عثر عضو مقطوع فقط.

إن وجد عضو لمسلم عُلم موته ولم يعثر جسده إلا العضو، يعامل معاملة الميت الحاضر، فيغسل وُصِّلَ عليه، ثم يلف بخرقة ويدفن.

الحالة الثالثة : : عضو مقطوع من حي

لا يغسل ولا يصلى عليه، بل يلف في خرقة ويدفن.

3. Hukum menguburkan orang yang murtad dan bunuh diri di perkuburan muslim

Orang murtad ialah yang keluar daripada islam atas sebab dari sebab2 murtad. Maka hukum ke atasnya seperti hukum orang kafir, bahkan lebih daripada itu, kerana dia murtad setelah Allah memberi petunjuk kepadanya dengan islam. Harus memandikan jenazahnya dan mengkafannya, dan haram solat ke atasnya. Manakala dalam bab pengebumian, tidak harus dikebumikan di perkuburan muslim.

Orang yang bunuh diri ialah seseorang yang membunuh dirinya dengan sengaja. Perbuatan membunuh diri adalah satu dosa besar, tetapi dia tidak menjadi kafir kecuali dia menghalalkan dosa itu. Apabila mati, hendaklah diuruskan seperti pengurusan jenazah muslim, mandi, kafan, solat, dan dikebumikan di perkuburan muslim, tetapi di tempat yang jauh daripada orang islam biasa dan orang-orang yang soleh.

Hikmat disyariatkan pengurusan (pengebumian) jenazah

Firman Allah swt: "Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam "
(surah al Isra: 70)

1. Memuliakan jenazah : disyariatkan pengurusan jenazah sebagai penghormatan kepada manusia.
2. Membersihkan: memandikan mayat itu untuk membersihkan badan mayat dari najis dan kotoran.
3. Mendoakan: solat jenazah ke atas mayat itu adalah doa keampunan dari yang masih hidup untuk si mati. diazan dan diiqamahkan di telinga ketika waktu dilahir, jadi sekarang adalah masanya untuk disolatkan.
4. mengambil pengajaran: Manusia itu berasal dari tanah, dan akan kembali kepada tanah.
5. Menghindarkan dari bau yang tidak menyenangkan dan mencegah dibongkar oleh binatang: menguburkan orang mati adalah untuk menghalang binatang buas membongkar jenazah tersebut dan menutupi bau busuk dari (menggangu) orang yang masih hidup.

٣) حكم دفن المرتد والمنتحر في مقبرة المسلمين

المرتد هو الذي خرج عن رقبة الإسلام بسبب من أسباب الردة. فحكمه حكم الكافر، بل أشد منه، لأنه ارتد بعد أن هداه الله للإسلام. ويجوز غسله وتكفينه، وتحرم الصلاة عليه. وأما الدفن فلا يدفن في مقابر المسلمين.

المنتحر هو الذي قتل نفسه عمداً. والانتحار كبيرة من كبائر الذنوب، لكن لا يكون صاحبه كافراً إلا إذا استحل الذنب. فإذا مات يعامل معاملة المسلم، فيغسل، ويكفن ويصلى عليه، ويدفن في مقابر المسلمين ولكن في مكان بعيد عن عامة المسلمين والصالحين منهم.

حكمة مشروعية تجهيز الجنازة

قوله تعالى: ﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ﴾ (سورة الإسراء : ٧٠)

١. التكريم : يشرع تجهيز الميت إكراماً للإنسان.
٢. التنظيف : يغسل الميت لتطهير بدنه من النجاسة والأوساخ.
٣. الدعاء : يصلى على الميت دعاء من الأحياء له بالمغفرة. وكان يؤذن ويقام في الأذن عند ولاده، فالآن حان الوقت للصلاة عليه.
٤. الاعتاظ : الإنسان أصله من التراب، وسوف يرجع إلى التراب.
٥. المنع من الروائح الكريهة والمنع من نبش الحيوان : يدفن الميت من أجل منع السبع عنه وستر الرائحة الكريهة عن الأحياء.

Pelaksanaan amali pengurusan jenazah

Cara terbaik untuk Pelaksanaan amali pengurusan jenazah adalah mengadakan kursus cara pengurusan jenazah. Perkara ini dilaksanakan dengan bantuan guru-guru dan orang yang berpengalaman dalam bidang ini bagi mempraktikkannya dari satu tahap ke tahap seterusnya seperti berikut:

- 1) memandikan jenazah
- 2) mengkafankan jenazah
- 3) solat jenazah

** Nilai Murni

1. Menghormati jenazah orang Islam.
2. Allah swt telah mensyariatkan hukum pengurusan jenazah untuk memuliakan manusia.
3. Antara tanda memulakan dan menghormati mayat ialah solat jenazah dan mengiringi jenazah ke kubur.

Hadis :

Daripada Abu Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang menghadiri / menziarahi jenazah sehingga jenazah itu disembahyangkan, maka dia seolah-olah mendapatkan satu qirat dan sesiapa yang menghadirinya sehingga jenazah itu dikuburkan, maka dia mendapat dua qirat. Sahabat nabi saw bertanya: Apakah dua qirat itu? Baginda s.a.w bersabda: Seumpama dua gunung. (qirat adalah kinayah bagi ganjaran pahala yang sangat banyak)

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

تطبيق عملية تجهيز الجنازة

أفضل الطريق لتطبيق عملية تجهيز الميت هو إقامة دورة في كيفية تجهيز الميت. وذلك بمساعدة الأساتذة والخبراء في هذا المجال لتطبيقها خطوة خطوة كالتالي:

(١) الغسل - (٢) الكفن - (٣) الصلاة

** القيمة

١. احترام جنازة المسلمين.
٢. شرع الله أحكاما تتعلق بتجهيز الميت إكراما للإنسان.
٣. من مظاهر الإكرام والاحترام للميت الصلاة عليه وتشيعه إلى القبر.

الحديث :

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ: من شهد الجنازة حتى يصلى عليها، فله قيراط. ومن شهد حتى تدفن، كان له قيرطان. قيل: وما القيراطان؟ قال: مثل جبلين العظيمين. (متفق عليه)